



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
YBHG. DATUK RUSDIN BIN MAHAMUD
TOKOH PENDIDIK DAN AHLI POLITIK BERJAYA

OLEH:

FARHANA BT ASH'ARI	2012332205
FAIRUZ NADIRAH BT AHMAD ZAIDI	2012123447

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
YBHG. DATUK RUSDIN BIN MAHAMUD
TOKOH PENDIDIK DAN AHLI POLITIK BERJAYA

OLEH:

FARHANA BT ASH'ARI	2012332205
FAIRUZ NADIRAH BT AHMAD ZAIDI	2012123447

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Penghargaan.....	i.
Abstrak.....	ii.
Biodata Tokoh.....	iii.
Pengenalan.....	vi.
Transkrip	
Seksyen Pertama : Latar Belakang Tokoh	1
Seksyen Kedua : Aspek Pendidikan Cikgu Rusdin dan isteri	10
Seksyen Ketiga : Aspek Kerjaya	14
Seksyen Keempat: Aspek Politik	27
Seksyen Kelima : Aspek Anugerah / Pengiktirafan/pencapaian	57
Seksyen Keenam : Aspek Harapan/Impian masa akan datang	60
Log wawancara	64
Soalan temu ramah	70
Indeks	74
Rujukan	75
Lampiran	
Surat Perjanjian	
Gambar	

PENGHARGAAN

Penghargaan

Bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNYA, dapat kami siapkan projek kami ini dengan jayanya. Di harapkan agar projek kami ini dapat memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada pihak yang berminat. Pertama sekali, penghargaan kami sudah tentulah kepada YBHG Datuk Rusdin Bin Mahamud, seorang guru dan ahli politik yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Sawah Baru, Labis, Segamat, Johor. Kami berterima kasih atas kesudian beliau untuk diwawancara sebagai tokoh dalam pendidikan dan politik. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik, pensyarah kami untuk kursus ini iaitu *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604). Penghargaan buat Puan Nor Kamariah atas usaha yang telah beliau berikan, memberikan kami nasihat dan mengajar kami cara-cara untuk membuat dan menyiapkan kerja projek ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau kami pasti menghadapi masalah dan sukar untuk menyiapkan tugas ini.

Di samping itu juga, ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan semangat dalam menyiapkan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih

ABSTRAK

Abstrak

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temu bual bersama YBHG Datuk Rusdin Bin Mahamud mengenai kerjaya beliau dalam bidang pendidik dan pemantau politik. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah Datuk Rusdin Bin Mahamud sendiri di No. 68, Jalan Suria 2, Rumah Awam Chaah, 85400 Chaah, Segamat, Johor. Beliau merupakan Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Sawah Baru, Labis, Segamat, Johor. Beliau telah menceburi bidang pendidikan selama 25 tahun. Beliau mula berkecimpung dalam bidang pendidikan apabila mula dimasukkan ke Maktab Perguruan Muhammad Khalid, Johor Bharu dan sejak itulah beliau mula berjinak-jinak dalam politik. Temubual ini memumpukan beliau tentang pengalaman beliau sepanjang menceburi bidang pendidikan dan politik. Peristiwa beliau mengikuti misi bantuan ke Negara yang mengalami bencana.

Kata kunci: Datuk Rusdin Bin Mahamud, pendidikan, politik, misi bantuan.

BIODATA TOKOH

Biodata Tokoh



Nama : Datuk Rusdin Bin Mahamud

Tarikh : 11 Ogos 1964

Lahir

Tempat : Kampung Kering, Batu 8, Labu, Seremban, Negeri Sembilan Darul

Lahir Khusus

Umur : 49 tahun

Nama ibu : Hajjah Rahmah Binti Sharif

Nama Ayah : Haji Mahamud bin Haji Fattah

Alamat : No. 68, Jalan Suria 2, Rumah Awam Chaah, 85400

Chaah, Segamat, Johor

- Pendidikan :
- Sekolah Kebangsaan Labu Ulu (1971-1976)
 - Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Labu (1977-1979)
 - Sekolah Menengah Dato' Mohd Said, Nilai (1980-1981)
 - Sekolah Menengah Tunku Ampuan Durah, Seremban (Tingkatan 6)
 - Maktab Perguruan Muhammad Khalid, Johor Bharu (1987)
- Pencapaian :
- YDP Persatuan Guru Pelatih (1988)
 - Ahli biasa UMNO cawangan Rumah Awam Chaah (1994)
 - Jurucakap perhimpunan UMNO (2004)
 - Ekspidisi Kutub Utara (2007)
 - Pengerusi Barisan Nasional parlimen Labis (2012)
 - Pingat Darjah Pangkuan Seri Melaka (2013)
 - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
 - Anugerah Ketua Bahagian paling aktif
 - Pengerusi biro agama dan kebajikan Kelab Putera 1 Malaysia
 - Pernah menyandang jawatan Pemangku Ketua Bahagian pemuda UMNO di Labis
 - Ketua PEMUDA cawangan
- Sumbangan :
- Terlibat dengan misi bantuan kemanusiaan Somalia (2010)
 - Terlibat dengan misi bantuan kemanusiaan Jepun (2011)
 - Terlibat dengan misi bantuan kemanusiaan Syria (2012)
 - Terlibat dengan misi bantuan kemanusiaan Rohingya, Myanmar (2012)
- Adik beradik : 8 orang adik beradik

Status : Berkahwin

Nama isteri : Puan Hajjah Jamilah Binti Hussin

Nama anak :

- Nurul Nadirah Binti Rusdin
- Nurul Nabilah Binti Rusdin
- Nurul Nadiah Binti Rusdin
- Muhammad Khairul Amilin Bin Rusdin
- Muhammad Khairul Najmi Bin Rusdin
- Muhammad Khairul Adha Bin Rusdin

Pekerjaan : Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sawah Baru

PENGENALAN

Pengenalan

Tugasan projek ini dijalankan di bawah kursus IMR 604, *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Sistem) Maklumat telah ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan yang diadakan bersama dengan tokoh pilihan. Bagi memenuhi kriteria tokoh pilihan dalam kursus IMR 604 ini, tokoh tersebut mestilah berusia lebih kurang 50 tahun dan ke atas, mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjayanya dan banyak sumbangannya terhadap pembangunan negara. Pengalaman yang banyak dan berguna dari seorang tokoh insan wajar dikongsi dan dijadikan contoh yang baik kepada masyarakat. Ketokohnya akan dibukukan dalam sebuah transkrip dari perbualan secara lisan bersama beliau.

Seorang tokoh telah kami pilih berdasarkan ketokohan dan pengalaman beliau yang sangat banyak dalam bidang politik dan misi bantuan. Beliau ialah Datuk Rusdin Bin Mahamud. Beliau merupakan seorang insan yang telah banyak menyumbang dalam pendidikan dan politik dalam dan luar negara. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang peniaga di pasar malam sejak dari bangku sekolah menengah lagi. Disebabkan ekonomi keluarga yang tidak menentu pada ketika itu. Setelah tamat tingkatan enam, beliau meneruskan lagi perniagaan beliau selama 4 tahun di pasar malam. Kemudian, beliau di tawarkan untuk melanjutkan pelajaran di maktab. Dari situlah bermula membuka peribadi beliau sebagai seorang pejuang. Beliau aktif berpersatuan ketika di maktab.

Memulakan kerjayanya dari bawah, daripada seorang peniaga sehinggalah menjadi orang yang disegani oleh khalayak ramai. Kesungguhan beliau dalam bidang politik semakin terserlah apabila beliau mula melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti di maktab sebagai ahli jawatankuasa tertinggi dan daripada situ beliau membawa bakat yang telah dicungkil beliau keluar. Beliau mula berjinak-jinak menjadi Ahli biasa UMNO. Kemudian, beliau meniti dari satu anak tangga ke satu anak tangga sehinggalah beliau dapat menyandang Pengerusi Barisan Nasional Parlimen Labis pada tahun 2012.

Hari ini beliau merupakan seorang Guru Besar dan juga seorang pemantau politik. Jawatan yang disandang oleh beliau tidaklah begitu besar tetapi beliau banyak berkhidmat untuk membantu orang-orang yang ditindas serta pelajar-pelajar yang kini semakin leka dengan gejala-gejala sosial. Beliau selalu terlibat misi bantuan kemanusiaan di Negara-negara seperti Jepun, Myanmar, Somalia dan banyak lagi. Beliau berperanan sebagai pemangkin semangat kepada mangsa bencana dan juga motivator kepada sukarelawan.

Pendokumentasian ini adalah untuk mengetahui sedikit sebanyak pengalaman yang telah dilalui sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sehingga sekarang. Lebih-lebih lagi, penglibatan beliau dalam politik dan badan NGO. Mungkin segelintir daripada kita tidak tahu apa yang berlaku di sebalik mangsa-mangsa ribut, banjir, kemarau, kemiskinan, kebuluran dan gempa bumi. Yang kita tahu hanya lah melihat perpecahan mereka di luar sana dan mungkin ada yang menghulurkan bantuan kewangan. Pengalaman Datuk Rusdin adalah pengalaman yang sangat berguna untuk kami kongsi dari sudut ketokohan, kepimpinan, pengorbanan, dan komitmen yang telah diberikan oleh beliau.

Sebuah sesi wawancara telah diadakan bersama Datuk Rusdin oleh pelajar-pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan, di kampus cawangan Machang. Pelajar-pelajar tersebut bernama Farhana binti Ash'ari dan Fairuz Nadirah binti Ahmad Zaidi. Sesi wawancara telah diadakan di rumah beliau sendiri di Johor. Tepat pada jam 3.30 petang, sesi wawancara bermula dan berlangsung selama kira-kira dua jam. Wawancara telah tamat pada kira-kira jam 5.30 petang.

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Yang Berbahagia Datuk Rusdin Bin Mahamud mengenai pengalaman beliau menceburkan diri dalam bidang pendidikan dan politik. Rakaman ini telah dijalankan di nombor *enam puluh lapan* [68], *Jalan Suria dua* [2], Rumah Awam Chaah bertarikh *sebelas April tahun dua ribu empat belas* [11/04/2014] pada jam 3.30 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Fairuz Nadirah Binti Ahmad Zaidi dan Farhana Binti Ash'ari. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Penunjuk

FN – Fairuz Nadirah

DRM – Datuk Rusdin Bin Mahamud

Seksyen pertama: Latar belakang tokoh

FN : **Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang.**

DRM : **Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh**

FN : **Apa khabar datuk?**

DRM : **Alhamdullilah, sihat sejahtera adanya.**

FN : **Okay [baik lah]. Pertama sekali kami mengucapkan terima kasih kepada Datuk kerana sudi di temubual oleh pihak kami. Saya wakil daripada UiTM Kelantan datang ke sini untuk menemu bual Datuk**

sebagai memenuhi lah syarat untuk melengkapkan tugas, *kitaorang* [kami] punya subjek *Oral Documentation* [pendokumentasian sejarah lisan]. Saya Fairuz Nadirah Binti Ahmad Zaidi dan sahabat saya Farhana binti Ash'ari akan menemu bual Datuk sebagai penemu bual, pertama sekali boleh saya tahu nama sebenar Datuk?

DRM : Nama saya yang sebenar Tuan Haji Rusdin Bin Haji Mahamud.

FN : **Datuk lebih selesa di panggil apa?**

DRM : Terpujang *lah* [tabiat bercakap] pada anak berdua, apa *nak* [hendak] panggil pakcik boleh, atuk boleh, cikgu boleh, ayah pun boleh.

FN : **Saya panggil cikgu jelah. Okay [baik lah], berapa umur cikgu sekarang?**

DRM : Umur saya *empat puluh Sembilan* [49] tahun.

FN : ***Empat puluh Sembilan* [49] tahun. Okay [baik lah], cikgu dilahirkan di mana?**

DRM : Saya dilahirkan di Kampung Kering, Batu *lapan* [8], Labu, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

FN : **Dilahirkan pada bila itu?**

DRM : *Sebelas haribulan lapan tahun seribu Sembilan ratus enam puluh empat* [11/08/1964].

- FN : ***Kirenya* [kiranya], cikgu dibesarkan di kampung itu juga lah?**
- DRM : Iya, saya sejak dilahirkan di alam persekolahan menjadi warga belia remaja, dibesarkan di kampung saya. *Tak* [tidak] keluar sehingga *lah* [tabiat bercakap] saya ditawarkan untuk belajar di Maktab Perguruan Muhammad Khalid pada tahun *Seribu Sembilan ratus lapan puluh tujuh* [1987], saya keluar daripada kampung.
- FN : **Berbalik kepada keluarga cikgu tadi, siapakah nama sebenar ayah cikgu?**
- DRM : Nama ayah saya, arwah orang tua saya, Arwahyarham Haji Mahamud bin Haji Fattah.
- FN : **Haji Mahamud bin Haji Fattah. Ok, ibu cikgu pula?**
- DRM : Nama bonda kesayangan saya, Puan Hajjah Rahmah Binti Sharif. (Berdehem).
- FN : **Ibu cikgu masih hidup *lah* [tabiat bercakap].**
- DRM : Masih ada. Alhamdulillah
- FN : **Sekarang ini dia menetap dimana?**
- DRM : Dia menetap di kampung sama, menjaga rumah pusaka ayah, di situ lah kami berkumpul adik-beradik bila bersama.

- FN : **Apakah bekas pekerjaan ayah cikgu pada suatu ketika dahulu?**
- DRM : Sebenarnya, *bila* [apabila] duduk di kampung sudah tentunya ayah saya ini, penglibatannya dari segi kerjayanya, kerja kampung *lah* [tabiat bercakap]. Bertani, menternak, kerbau, ayam, kambing. Semua adalah (mengiyakan).
- FN : **Jadi, asas ekonomi keluarga memang daripada *lah* [tabiat bercakap].**
- DRM : Iya, kampung.
- FN : **Boleh saya tahu cikgu mempunyai berapa orang ramai adik-beradik dan cikgu anak ke berapa?**
- DRM : Untuk makluman, saya ada *lapan* [8] orang adik-beradik. *Enam* [6] lelaki, *dua* [2] perempuan (mengiyakan). *Satu* [1] hingga ke *enam* [6] lelaki, bilangan *tujuh* [7], *lapan* [8] perempuan (mengiyakan). Saya ditakdirkan lahir sebagai anak yang kedua dalam bilangan adik beradik saya (berdehem).
- FN : ***Okay* [baik lah]. Anak kedua. Boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang taraf kehidupan dan kegiatan ekonomi cikgu pada suatu ketika dahulu?**
- DRM : Kalau *nak* [hendak] *cite* [cerita] pasal ekonomi keluarga pada masa terdahulu, sekarang ini kalau *nak* [hendak] dibandingkan *lah* [tabiat bercakap], sekarang punya anak-anak, ini kita cerita pasal saya zaman

kecil saya, mungkin awak tidak pernah makan pisang bakar, awak tidak pernah makan ubi rebus lenyek dengan gula merah *taruk* [letak] kelapa. Awak mungkin *tak* [tidak] pernah makan, apa kata orang sayur kampung yang di cari dalam hutan, bukit sana, *tak* [tidak] pernah. Saya *tak* [tidak] pernah petik dapur gas. Masak atas dapur kayu. Rumah saya bocor sana, bocor sini sebab bumbung diperbuat daripada atap nipah. *Bila* [apabila] hujan nenek arahkan anghah pergi ambil baldi, bawak tong minyak tanah itu tadah *satu* [1] tempat, tadah *satu* [1] tempat, seksa *tak* [tidak] boleh nak cerita. Saya *lah* [tabiat bercakap] ini anak dalam keluarga, selalu pergi pinjam beras rumah orang.

FN : Memang cukup berbeza *lah* [tabiat bercakap] dengan zaman kita sekarang.

DRM : Sekarang, Masya Allah.

FN : Sekarang cikgu menetap di mana?

DRM : Sekarang ini, Alhamdulillah, izin Allah, saya menetap di nombor *enam puluh lapan* [68], Jalan Suria *dua* [2], Rumah Awam Chaah. *Dah* [sudah] menetap *kat* [di] sini hampir-hampir *-lima belas* [15] tahun. Sebelum ini, cikgu menyewa *saje* [sahaja], orang susah, menyewa *aje* [sahaja]. Itu lah dia kisah.

FN : Okay [baik lah]. Boleh saya tahu bila cikgu berumah tangga?

DRM : Untuk makluman, anakanda, saya, cikgu ditakdirkan berumah tangga dengan Puan Hajjah Jamilah ini, pada *tujuh belas haribulan sebelas seribu sembilan ratus sembilan puluh* [17/11/1990]. Masa itu umur saya *dua puluh lima* [25] tahun, Datin Hajjah Jamilah *dua puluh satu* [21] tahun.

FN : **Boleh saya tahu nama penuh isteri cikgu?**

DRM : Hajjah Jamilah Binti Hussin.

FN : **Berasal dari?**

DRM : Sungai Nibong , Pulau Pinang

FN : **Berapakah umur isteri cikgu sekarang?**

DRM : Sekarang umurnya, kalau saya *empat puluh sembilan* [49], tahun ini *nak* [hendak] masuk *lima puluh* [50], ya sekarang ini dia *empat puluh enam* [46].

FN : **Okay [baik lah]. Pekerjaan yang dia buat sekarang?**

DRM : Dia memang menjadi seorang pendidik, guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Maokil, mengajar pelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris.

FN : **Kira sekolah yang berbeza daripada cikgu *lah* [tabiat bercakap]?**

DRM : Iya, saya mengajar guru besar di Sekolah Kebangsaan Sawah Baru.

FN : **Okay [baik lah]. (Bunyi helaian kertas yang sedang diselak) Sudah lama itu cikgu berumah tangga, bagaimana kehidupan cikgu (bunyi alat perakam) berumah tangga? Adakah sangat, sangat manis penuh dengan---** (suara kawan dan bunyi alat perakam).

DRM : Alhamdulillah-, setelah melalui pengalaman hidup berumah tangga dengan pasangan yang saya kasihi, yang saya sayangi (mengiyakan), Alhamdulillah kita dikurniakan *enam*[6] orang anak (bunyi batuk) *tiga* [3] perempuan, *tiga* [3] lelaki, *satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3] perempuan. *Empat* [4], *lima* [5], *enam* [6] lelaki (mengiyakan). Dan Alhamdulillah dengan izin Allah-, saya merasai keamanan, keharmonian, kebahagiaan yang cukup-cukup baik. Yang saya harap kebahagiaan ini, (bunyi motosikal) kekal hingga ke akhir hayat kami berdua.

FN : **Amin. Alhamdulillah, Okay [baik lah], nak [hendak] tanya soalan cepumas sedikit lah. Boleh cikgu nyatakan nama setiap seorang anak cikgu?**

DRM : Insya Allah,(ketawa) yang sulung Nurul Nadirah Binti Rusdin, (mengiyakan) yang kedua Nurul Nabilah Binti Rusdin, yang ketiga Nurul Nadiah Binti Rusdin, yang keempat Muhammad Khairul Amilin Bin Rusdin, yang kelima Muhammad Khairul Najmi Bin Rusdin, yang keenam Muhammad Khairul Adha Bin Rusdin.

FN : **Berapakah lingkungan umur anak-anak cikgu sekarang?**

DRM : Kak long yang sulung itu *dua puluh satu* [21] tahun, dan diikuti oleh Nabilah *dua puluh* [20] tahun, diikuti (bunyi motosikal) oleh Nadiyah *tujuh belas* [17] tahun, Muhammad Khairul Amilin *enam belas* [16] tahun, Muhammad Khairul Najmi *Sembilan* [9] tahun, Muhammad Khairul Adha *tujuh* [7] tahun.

FN : **Boleh cikgu nyatakan latar belakang pendidikan kesemua anak-anak cikgu?**

DRM : (berdehem) Insy Allah, jadi bila kita jadi orang tua, *bila* [apabila] anak dah cukup umur, kita hantar ke sekolah rendah. Alhamdulillah, anak-anak semua, anak saya semua bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Desa Temu Jodoh, (mengiyakan) darjah *satu* [1] sampai darjah *enam* [6] semuanya di Sekolah Kebangsaan Desa Temu Jodoh. Kemudian, Nurul Nadirah yang sulung itu, tingkatan *satu* [1] ke tingkatan *lima* [5] di Sekolah Menengah Seri Kenangan (mengiyakan). Nurul Nabilah nombor *dua* [2] di *MRSM* [Maktab Rendah Sains Mara] Parit Sulong. Nurul Nadiyah yang ketiga di *SMKA* [Sekolah Menengah Kebangsaan Agama] Segamat. Nombor *empat* [4] Muhammad Khairul Amilin di *SMKA* [Sekolah Menengah Kebangsaan Agama] Segamat dan Najmi serta Adha di *SK* [Sekolah Kebangsaan] Desa Temu Jodoh. (Mengiyakan). *Yap* [iya].

FN : Itu adalah sedikit latar belakang tokoh kita iaitu cikgu Rusdin pada hari ini. (Bunyi alat perakam). – (Bunyi helain kertas diselak) boleh kita teruskan lagi cikgu?

DRM : Boleh. Minta maaf minum air dulu.

TAMAT SEKSYEN PERTAMA

Seksyen kedua: Aspek pendidikan cikgu Rusdin dan Isteri

FN : *Okay* [baik lah]. Seksyen kedua kita terus ke aspek pendidikan Cikgu Rusdin dan isteri. *Okay* [baik lah], yang pertama boleh cikgu ceritakan, cikgu mendapatkan pendidikan awal sekolah rendah di mana?

DRM : (berdehem) Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Labu Ulu, darjah *satu* [1] sehingga darjah *enam* [6]. Kemudian, tingkatan *satu* [1] hingga tingkatan *tiga* [3], di Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Labu. Seterusnya, saya melanjutkan pelajaran tingkatan *empat* [4] dan tingkatan *lima* [5] di Sekolah Menengah Dato' Mohd Said, Nilai. Untuk tingkatan *enam* [6] saya belajar di Sekolah Menengah Tunku Ampuan Durah, Seremban dan seterusnya saya ditawarkan untuk mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Muhammad Khalid, Johor Bharu pada tahun *seribu sembilan ratus lapan puluh tujuh* [1987].

FN : Kira, cikgu menamatkan pelajaran memang di Maktab Perguruan sahaja *lah* [tabiat bercakap]? Isteri cikgu pula mendapat pendidikan awal di sekolah mana?

DRM : Isteri saya, sekolah rendahnya di Sekolah Sungai Nibong darjah *satu* [1] sampai *enam* [6] dan tingkatan *satu* [1] tingkatan *lima* [5], Sekolah Perempuan ST. George di *Pulau Pinang* [salah satu negeri di utara Malaysia]. Sekolah elite *lah* [tabiat bercakap] di *Pulau Pinang* [salah satu negeri di utara Malaysia] itu. Sekolah aliran Bahasa inggeris. Kemudian

habis *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], dia melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Muhammad Khalid, *pastu* [selepas itu] hampir *dua belas* [12] tahun dia menjadi guru, dia menyambung pelajaran di peringkat *Degree* [Ijazah] di Universiti Malaya, TESL. Kemudian, dia sambung lagi untuk *Master* [Sarjana]. Master baru habis *dua* [2] tahun. Insyallah, katanya hendak sambung *Ph.D* [Doctor of Philosophy]. Kalau tiada aral melintang, sebab dia ini minat sangat belajar.

FN : Memang di Maokil lah, sekolah pertama dia mengajar?

DRM : Untuk makluman kakak, masa dia *posting* [penghantaran], *first posting* [penghantaran], dia mengajar di Sekolah Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan. Sekolah Rendah Tunku Besar Tampin, kemudian, saya pindahkan dia ke Sekolah Kebangsaan Seri Bali, Chaah. (Bunyi suara televisyen). Kemudian, Sekolah Desa Temu Jodoh ini dibuka, pindah ke sekolah Desa Temu Jodoh dan akhirnya, *bila* [apabila] tamat pengajian di peringkat Sarjana. Dia ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Maokil.

FN : Okay [baik lah]. Cikgu kat [di] sini adalah soalan yang agak cepumas. Saya nak [hendak] tahu, adakah jodoh cikgu dengan isteri merupakan atas dasar cinta ataupun (bunyi kerusi) –pilihan keluarga?

DRM : Sebenarnya, cinta saya ini cukup kadang-kadang lucu, kadang-kadang unik, saya, minta maaf cakap saya memang takut dengan perempuan

(ketawa). Cakap terus terang. Saya tidak ada *makwe* [kekasih] daripada sekolah menengah (bunyi orang bercakap) sampai maktab. (Bunyi kerusi). Cuma di (mengiyakan) (bunyi orang bercakap) semester akhir, baru *lah* [tabiat bercakap] saya terpandang dia ini. Sebab kalau saya itu, kalau saya *nak* [hendak] betul-betul kaki perempuan, saya *glamor* [popular] masa itu (ketawa). Saya presiden persatuan guru pelatih. Saya *YDP* [Yang Di Pertua] guru pelatih di Maktab Perguruan Muhammad Khalid, cakap jelakan (mengiyakan) (bunyi orang bercakap). *Tujuh ratus* [700] *lapan ratus* [800] orang di bawah saya. Jadi entah macam mana satu hari itu, saya terpandang budak ini, saya ingat budak luar datang. Saya tanya dengan kawan saya dan dia mengatakan dia itu budak maktab ini. Jadi saya memberanikan diri. Cara saya, saya tidak pernah bercinta, saya belikan tiket dia nak balik mana? Balik *Pulau Pinang* [salah satu negeri di utara Malaysia] kata dia. Saya pun beli tiket. Saya tidak beli tiket balik Seremban, saya pun beli tiket balik *Pulau Pinang* [salah satu negeri di utara Malaysia] (ketawa) dengan dia.

FN : Kira teman dia balik *lah* [tabiat bercakap]?

DRM : Iya. Teman dia balik. *Lepas* [selepas] itu sampai rumah dia, saya masih ingat lagi. Saya sembahyang Jemaah dengan bapa mertua saya, saya jadi imam. Saya jadi imam saya terus cium tangan dia selepas solat, saya cakap terus terang, pakcik kalau ada jodoh saya, saya nak ambil Jamilah jadi isteri saya. “Iya kah?” kata dia. Itu *lah* [tabiat bercakap], tidak ada

cinta. Macam itu. Tapi Alhamdulillah. Budak-budak sekarang kata, kenal dulu baru cinta. Mengarut semua itu, *tiga* [3] tahun *empat* [4] tahun pun tidak jadi juga. Kita tidak ada cinta tapi jadi, Alhamdulillah bahagia, syukur Alhamdulillah ada anak. Cukup.

FN : **Kira cikgu ini seorang yang romantik juga lah ya. *Okay* [baik lah].
Pertemuan pertama cikgu dan isteri dimana?**

DRM : Kita bertemu di maktab perguruan lah pertama ya *yang* [nama panggilan Isteri] (suara wanita) semester akhir baru nak jumpa. Bayangkan.

FN : ***Berdepan* [bertentangan] mata?**

DRM : Itu, sampai pesan dengan kawan. *Lepas tu* [selepas itu] mula kawan *kenen-kenenkan* [menjodohkan]. Itu *lah* [tabiat bercakap].

TAMAT SEKSYEN KEDUA

Seksyen ketiga: Aspek kerjaya

FN : *Okay* [baik lah]. Seterusnya kita ke aspek kerjaya (bunyi suara).- boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal cikgu dalam bidang pendidikan?(bunyi suara dan bunyi kerusi)

DRM : (bunyi suara) Dan *bila* [apabila] saya menerima surat tawaran daripada Maktab Perguruan Kementerian Pelajaran Malaysia pada masa itu-, saya tidak memberi fokus kepada surat tersebut. Sebab saya sudah meniaga pasar malam, sudah *dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] tahun. Siap bawa lori, duit banyak dalam poket setiap kali balik dari meniaga. Saya simpan surat tersebut hampir *dua* [2] minggu. Saya tidak cerita pada emak saya, bahawa saya dapat tawaran masuk ke Maktab Perguruan. Sebab adik-beradik saya, semua kerja sendiri dan saya *confirm* [amat pasti] saya akan melibatkan diri dalam kerja sendiri juga. Meniaga juga. *Tapi* [tetapi] *bila* [apabila] emak saya, saya pernah dengar emak saya cakap, (bunyi batuk) “kalau ada *lah* [tabiat bercakap] anak emak seorang kerja kerajaan, alangkah seronoknya” kata dia. Itu yang menyebabkan saya sebak balik semula, saya *recall* [teringat] balik semula ayat yang telah dikeluarkan oleh emak itu, saya tidak sampai hati. *Terpacul* [terkeluar] daripada mulut saya, Saya: Emak, ada sesuatu *lah* [tabiat bercakap] yang angh *nak* [hendak] cakap.

Emak: Apa?

Saya: Emak, angh dapat tawaran masuk jadi cikgu *kat* [di] Maktab

Muhammad Khalid sekian-sekian hari bulan daftar.

Emak: Kenapa tidak mahu pergi ini, kenapa tidak beritahu?

Menangis dia, *bila* [apabila] dia menangis, saya menangis, saya terus tidak boleh fikir apa. *Tak* [tidak] boleh *dah* [sudah]. Kalau saya tengok emak *dah* [sudah] menangis, saya *dah* [sudah] *tak* [tidak] boleh *dah* [sudah]. Saya terpaksa akur, pilihan emak. Jadi saya memulakan, *satu* [1] dimensi baru dalam kehidupan saya, bahawa daripada berniaga saya akan bertukar kerjaya dalam pendidikan. *Nak* [hendak] *tak* [tidak] *nak* [hendak], saya kena tempuh. (bunyi azan)

FN : Okay [baik lah]. Apa tahun bilakah cikgu terlibat sebagai (bunyi kertas diselak) tenaga pengajar?

DRM : Saya mula melaporkan diri di *SK* [Sekolah Kebangsaan] Sri Bali (berdehem) pada *satu haribulan dua belas tahun lapan puluh sembilan* [01/12/89].

FN : Agak-agak itu, (berdehem) sudah berapa lama cikgu telah berkhidmat?

DRM : Kalau di hitung-hitung, tempoh perkhidmatan saya dah menjangkau tahun yang ke *dua puluh lima* [25].

FN : Agak lama. Cikgu, sebagai guru mengajar mata pelajaran apa?

DRM : Lama, agak lama. Dan kalau ambil pencen umur *lima puluh lapan* [58]

tahun lagi, baru dapat cecah lebih *tiga puluh empat* [34] tahun, *tiga puluh lima* [35] tahun mengajar. Masa di Sri Bali *lapan belas tahun* [18] (berdehem), saya adalah seorang guru yang *special* [istimewa] Bahasa Melayu *lah* [tabiat bercakap]. Disebut, cikgu Rusdin Sri Bali, orang pun faham lah, cikgu Rusdin ini memang *fantastic* [hebat] Bahasa Melayu. Kemudian, saya selain daripada Bahasa Melayu, saya dilantik sebagai jurulatih utama mata pelajaran Kajian Tempatan. (Bunyi motosikal) saya masuk *JU* [jurulatih utama], saya melatih guru-guru dalam Negeri Johor (bunyi motosikal). Itu *lah* [tabiat bercakap] saya menulis buku Kajian Tempatan (bunyi kereta) saya kontrak dengan *Fajar Bakti* [nama syarikat penerbitan] (bunyi kertas diselak), saya punya buku kerja, buku apa, kad aktiviti semua ada. Saya seronok menghasilkan buku tersebut.

FN : Okay [Baik lah]. Boleh cikgu berkongsi sedikit, apakah yang mendorong cikgu untuk menjurus ke bidang pendidikan terutama dalam bidang Bahasa? (bunyi kertas diselak)

DRM : *Yes.* [Baik lah]. Sebenarnya dia begini, saya ditawarkan kursus itu, pengajian Bahasa Melayu sekolah rendah. Jadi apabila saya punya spesifik pengkhususan jurusan saya Bahasa melayu, jadi automatik *lah* [tabiat bercakap], *bila* [apabila] keluar dan tamat latihan daripada maktab perguruan, saya akan mengajar Bahasa Melayu dan memang kebetulan, saya Bahasa Melayunya memang minat saya daripada bangku sekolah rendah saya lagi. *Pasal* [sebab] itu, saya boleh bersajak, saya boleh pidato,

saya pidato sampai kebangsaan, saya pidato wakil negeri Johor, wakil guru, wakil penerangan, macam-macam *lah* [tabiat bercakap]. Sampai Kebangsaan bertanding dengan kawan-kawankan. Saya minat dan setiap sekolah yang mengajar, pasti ada murid yang mengikuti jejak langkah saya. Pasti akan sampai peringkat negeri. *Confirm* [pasti].

FN : Cukup menarik-, boleh saya tahu bilakah cikgu mula berkhidmat sebagai guru sepenuh masa? (bunyi helain kertas diselak)

DRM : Saya *dah* [sudah] daftar itu, pada bulan *dua belas* [12], sepenuh masa *satu haribulan satu seribu sembilan ratus sembilan puluh* [01/01/1990]. Itu saya punya tarikh sepenuh masa.(berdehem)

FN : (bunyi helain kertas diselak) –Okay [Baik lah], cikgu mengajar Bahasa Melayu daripada menengah atas? Dan boleh saya tahu, adakah cikgu ada memegang apa-apa jawatan di sekolah? (bunyi helain kertas diselak)

DRM : Sekolah Rendah .Di sekolah, pada masa itu, masa saya di Sekolah Rendah, selain saya di khususkan mengajar di tahun *enam* [6], kelas *UPSR* [Ujian Penilaian Rendah Sekolah], saya adalah pengerusi panitia Bahasa Melayu di peringkat sekolah dan di peringkat Daerah Segamat pada masa itu, saya salah seorang Ahli Jawatankuasa Panatia Bahasa Melayu di peringkat Daerah Segamat. Jawatan-jawatan lain yang *tak* [tidak] berkaitan dengan Bahasa ini banyak lah *PIBG* [Perhimpunan Ibu Bapa dan Guru], Pengakap

punya penasihat, macam-macam *lah* [tabiat bercakap] ya.

FN : Okay [Baik lah], sebelum cikgu mendapat tawaran untuk menjadi seorang pendidik, selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama cikgu, di mana dan bila?

DRM : Selepas saya menamatkan tingkatan *enam* [6], tetapi tingkatan *lima* [5] lagi saya *dah* [sudah] berniaga pasar malam *dah* [sudah]. Saya berniaga pasar malam tingkatan *lima* [5]. Habis sekolah saya, tetapi sebelum pasar malam, tingkatan *dua* [2], tingkatan *tiga* [3] saya menoreh getah. Saya orang susah dulu selepas saya menoreh getah, *pastu* [selepas itu] saya berniaga pasar malam. Berniaga pasar malam lama juga. (bunyi cawan) Sampai saya ditawarkan, saya masuk maktab *dah* [sudah] lewat sebenarnya. Saya masuk maktab ketika umur saya *dua puluh dua* [22] tahun. Saya baru masuk maktab. Jadi dulu, waktu *dua puluh dua* [22] tahun ke bawah itu, saya meniaga pasar malam dan menoreh getah. Itu kerjaya saya sebelum itu.

FN : Kiranya cikgu berniaga pasar malam setiap hari?

DRM : Setiap hari pagi, petang, malam bawa bekal, bawa kain pelikat, bawa bekal.

FN : Paling jauh cikgu pergi berniaga sampai pasar malam mana?

DRM : Saya berniaga dari pasar malam Seremban sampai Gemas Baru, Seremban

itu sampai Gemas Baru jauhnya. Bayangkan.

FN : Okay [Baik lah], boleh cikgu berkongsi perasaan atau pengalaman ketika pertama kali menjadi guru sekolah pada ketika itu?

DRM : Mula-mula saya, sampai di sekolah tersebut masa itu cuti sekolah bulan *sebelas* [11], saya sampai saya tengok tidak ada orang. Cikgu tiada, sekolahnya di tepi sungai, kelilingnya hutan belukar-, kelawar banyak (sambil membuat bunyi kelawar) (ketawa). Sekolah ini ada orang ke tidak ada orang. (Ketawa) Terkejut saya. (Mengiyakan) Awak tahu apa yang terjadi kepada saya. Saya menangis (bunyi motosikal). Saya menangis. Kenapa tidak ada orang dekat sekolah? Sekolah ini betul ke tidak betul. (Berdehem) saya telefon emak dekat kampung.

Cikgu: Emak, angah kena sekolah ini, sekolah ini macam tidak ada orang emak. Hendak melapor diri itu, tiada orang.

Emak: Cuba *lah* [tabiat bercakap]. Sabar-sabar.

Akhirnya, saya tanya pada orang pekan Chaah, mereka berkata, cuti sekolah itu memang tiada orang adik. (Ketawa). Itu lah yang pertama sekali kisahnya. (Mengiyakan) rasa hendak balik Seremban tahu masa itu. Jadi kuatkan semangat dipujuk oleh emak. Menumpang tidur di rumah Ketua Kampung *tiga* [3] hari. (Bunyi pinggan) dia menjadi keluarga angkat. *Bila* [apabila] hari sekolah biasa betul-betul dibuka. Baru lah nampak murid.

FN : Begitu *lah* [tabiat bercakap] semangatnya. Bagaimana (bunyi motosikal) suasana sekolah, pada suatu ketika dahulu cikgu sebagai guru, berbanding masa kini?

DRM : Masa itu, kalau mahu cerita daripada murid, saya masa mula-mula mengajar pada tahun *Sembilan belas Sembilan puluh* [1990]. Saya masih jumpa lagi murid-murid dalam kata sekarang ini dengar cakap. Saya tengking dia boleh hormat lagi. Saya suruh siapkan kerja rumah, dia boleh buat lagi. Itu dulu. (Bunyi orang bercakap) dan kalau dia hormat dengan kita ke, dia betul-betul hormat, ambil beg kita, angkat beg kita dia lalu depan kita tunduk dan sampai *satu* [1] peringkat, kalau dia bawa bekal makanan. “Cikgu makan. Emak bagi saya bawa bekal ini” kata murid. Nampak. Dan kalau sekali-sekali kita uji, cikgu tiada duit, mahu pinjam. Dia bagi pinjam *dua puluh* [20] sen, *tiga puluh* [30] sen. Itu murid dahulu tahun *Sembilan puluh* [90]. Kalau disebut hari ini-, saya terpaksa mengajar balik semula murid yang ada. Macam sekolah saya, saya kena ajar macam mana *nak* [hendak] suruh dia datang cepat (Bunyi orang bercakap), saya kena datang cepat dahulu. Saya sampai sekolah, untuk makluman *enam lima puluh* [6.50 pagi], saya *dah* [sudah] sampai. Hendak suruh dia datang cepat. Dulu budak datang cepat, tunggu kita datang. Sekarang kita kena tunggu budak datang (Bunyi orang bercakap). Nampak beza sekarang kalau kita kata (bunyi motosikal) hormat guru. Dulu kita cikgu turun kereta kita, anak murid pergi apa? Minta buku kita, dia buka pintu kita. Sekarang, saya panggil pula dia. “*Wey* [tabiat bercakap], guru besar *dah*

[sudah] sampai ini. *Tak* [tidak] salam ke?" kata cikgu. Murid pun salam (sambil melakonkan) (Bunyi orang bercakap). Nampak, sampai *satu* [1] peringkat. Siapa yang boleh kalahkan guru besar, guru besar bagi *seringgit* [RM1]. Bagi *seringgit* [RM1]. Nampak, kita dulu *bila* [apabila] Guru Besar, macam saya cakap tadi (bunyi batuk) anak murid ajak saya makan. *Tapi* [tetapi] saya sekarang, saya belanja anak murid makan. Saya panggil, makan dengan saya. Nampak, *nak* [hendak] memupuk kasih sayang antara murid dengan guru. Jauh bezanya, jauh maknanya cikgu kena main peranan terlalu banyak sekarang. Untuk bentuk (bunyi motosikal) murid itu, jadi macam murid tahun *Sembilan puluh* [90] dulu. Dia *tak* [tidak] boleh lepas, *mak bapak* [ibu bapa] lepaskan *kat* [dekat] sekolah, terjadi *lah* [tabiat bercakap] macam-macam (bunyi motosikal).

FN : Memang beza *lah* [tabiat bercakap]. Berbanding zaman kita dulu. *Okay* [Baik lah], berdasarkan apa yang cikgu ceritakan tadi, hampir *dua puluh lima* [25] tahun, betul cikgu? Menetap di Chaah, apakah cikgu tiada bercita-cita untuk pulang ke kampung halaman?

DRM : Pada peringkat pertama dahulu, awal-awal kerja, *lima* [5], *enam* [6] tahun dahulu memang berhajat *nak* [hendak] balik ke kampung. Pertamanya, memikirkan saya satu-satunya anak yang duduk luar daripada Negeri Sembilan. Yang keduanya, saya pendidik, orang kampung saya pada masa itu *tak* [tidak] ada yang jadi guru. Dan mereka mengharapkan saya balik. Maklum *lah* [tabiat bercakap]. Cikgu. (Bunyi helain kertas diselak). Iya,

bila [apabila] ada cikgu dalam masyarakat itu, tidak boleh hendak ceritakan bangganya masyarakat kampung (bunyi pintu ditutup). Itu yang kedua. Kerana itu lah *bila* [apabila] peringkat awal, saya beli rumah *kat* [di] Seremban. Saya buat persiapan awal. *Dah* [sudah] beli *dah* [sudah]. Masih ada lagi rumah di sana (bunyi suara bercakap). *Dah* [sudah] beli awal. *Tapi* [tetapi] *bila* [apabila], lama-kelamaan, saya dapat bawa isteri dari Seremban ke sini, dan saya melihat peluang yang terbuka luas dekat Segamat (bunyi batuk) dekat Chaah ini, boleh berniaga, boleh main politik. Ada masyarakat dengan pelbagai Bangsa Jawa, Bugis bagai ramai *kat* [di] sini *kan* [tabiat bercakap]. Jadi menyebabkan saya terpaksa. Saya nekad balik semula, saya bincang dengan isteri saya. Kita kena buat bulat tekad. Di sini *lah* [tabiat bercakap] tempat kita sekarang. *Empire* [empayar] baru kita (bunyi motosikal) Chaah. Tidak payah pindah mana-mana lagi. Isteri setuju, terus *lah* [tabiat bercakap] menetap di sini. Sewa dulu *kat* [di] sana (sambil menunjukkan blok itu). Itu kisahnya.

FN : Okay [Baik lah], macam cikgu pernah ceritakan tadi, cikgu selepas tamat belajar, cikgu berkecimpung dalam bidang perniagaan lah. Berniaga pasar malam. Sekarang ini, cikgu pernah tidak rasa macam, ingin beraktif balik dalam bidang perniagaan?

DRM : Ya. Memang. Saya lepas pasar malam, setelah *tiga* [3] tahun *empat* [4] tahun jadi cikgu saya jual burger depan rumah saya. Saya jual *jajan* [makanan ringan]. Selepas itu, kalau cuti sekolah, cuti penggal saya sewa

lori orang dari Parit Raja, ambil keladi, ambil pisang tanduk, ambil keladi, ambil ubi. Bawa nenas balik kampung jual. Sudah biasa pegang duit. Bayangkan. Lepas itu, (berdehem) *bila* [apabila] saya (berdehem) *dah* [sudah] jadi cikgu, berniaga *nak* [hendak] jual burger sahaja. Saya bagi, saya sedekahkan *stall* [gerai] burger dekat orang. Saya kata, saya *nak* [hendak] juga berniaga. Saya pajak kebun sawit. Pajak kebun sini, pajak kebun sana. (Bunyi kanak-kanak merengek). Alhamdulillah, setakat ini setakat *empat puluh* [40] ekar ada kebun sawit.

FN : **Di sini juga *lah* [tabiat bercakap] kebunnya?**

DRM : Di sini juga. Beli pajak kebun sawit. Lepas itu, *tak* [tidak] kan cikgu hendak pergi kebun berkejar sana berkejar sana. Ambil budak Indonesia permit. Ambil *dua* [2] orang. *Pastu* [lepas itu] macam mana *nak* [hendak] tambah lagi, anak makin membesar. Saya buat kanopi. Saya buat kanopi sekarang. Yang tadi itu, *nak* [hendak] sewa kanopi *lah* [tabiat bercakap] itu. Saya buat kanopi. “Aku fikir kalau aku *dah* [sudah] buat kanopi, kalau *tak* [tidak] buat katering, rugi” katanya. Saya buat katering. Itu stor katering saya. Tidak tengok pinggan mangkuk itu semua. Maknanya, sampai sekarang, sebelum itu saya menulis buku. Saya dapat royalti. *Setahun empat puluh* [40] *lima puluh ribu* [50 000], saya dapat royalti daripada Fajar Bakti. *Glamour* [popular] pula lagi, *bila* [apabila] balik *Penang* [Pulau Pinang] ada nama di buku. (ketawa) Saya kata dengan orang yang jaga buku kedai itu.

Cikgu: Ini buku bagus *lah* [tabiat bercakap].

Pekerja: Betul *lah* [tabiat bercakap]. Ramai orang beli buku ini.

Cikgu: Mana punya orang itu?

Pekerja: Saya *tak* [tidak] tahu lah encik. Rusdin Mahamud. Siapa ini orang ya?

Cikgu: Rusdin Mahamud. Siapa ini orang ya?

Pekerja: Itu lah, saya pon *tak* [tidak] tahu lah

Cikgu: Ini saya lah ini orang. “Saya kata dekat dia. Saya ambulkan *IC* [kad pengenalan] tunjuk *kat* [dekat] dia”.

Pekerja: Betul *lah* [tabiat bercakap] encik.

Kata dia, seronok *glamour* [popular] (mengiyakan). Kita buat *glamour* [popular] macam itu. Jadi, pendek kata sekarang ini, kita meniti dan banyak lagi perancangan yang hendak buat untuk mengembangkan perniagaan. Walaupun kita berniaga, kita tidak ganggu kita punya tugas hakiki. (Mengiyakan).*Sorry* [maaf]. Kita ada *management* [pengurusan], kita ada pekerja, kita ada pemandu lori, kita ada tukang pasang kanopi, kita ada tukang orang pasang elektrik, kipas, lampu (bunyi meja terseret). Kita ada tukang masak. Kita tiada ganggu. Maksudnya, jika kita ada tempahan kita pergi sekolah bersiap.

FN : Cukup menebal minat dalam bidang perniagaannya cikgu. Selama dua puluh lima [25] tahun, cikgu menjadi sebagai seorang pendidik, apakah sumbangan cikgu kepada pendidikan?

DRM

Saya kalau mahu cerita sumbangan pendidikan ini, saya orang kata masuk bakul angkat sendiri. Saya tidak pandai. *Tapi* [tetapi] hakikatnya saya dicalonkan (bunyi orang bercakap) menjadi guru cemerlang semasa saya baru *tiga* [3] tahun mengajar. Kenapa saya dicalonkan oleh Pejabat Pendidikan Segamat sebagai (bunyi helain kertas diselak) guru cemerlang. Saya tidak minta, mungkin ada sesuatu yang dilihat oleh pegawai dekat Pejabat Pendidikan. Sampai jemaah *Nazir* [pemantau] yang datang memantau saya, “cikgu awak ini sebenarnya layak jadi guru cemerlang. Tetapi syaratnya *tak* [tidak] cukup cikgu”. Kata Nazir itu (bunyi batuk). Saya pun bertanya kenapa. “Syaratnya tempoh perkhidmatan perlu *lima* [5] tahun lagi. Kenapa Segamat letakkan cikgu?” kata Nazir lagi. Nampak itu maknanya. Maknanya ada sesuatu. Jadinya kalau *nak* [hendak] diceritakan saya punya pengorbanan, saya punya jasa, yang paling hebat sekali saya *bila* [apabila] menjadi pendidik, saya boleh tinggalkan rumah-. Saya boleh tinggalkan rumah dan jadikan sekolah rumah yang kedua. Kalau hiasan keceriaan sekolah, saya lah yang mengelolakan. Kalau budak pidatonya, saya *lah* [tabiat bercakap] melonjakkan nama sekolah Daerah Segamat. Kalau *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] saya lah kutip dana untuk buat *sponsor* [tajaan]. Saya lah yang cipta projek sinar. Sehingga Sri Bali pada masa dahulu, *dua belas* [12] orang dapat, *lima belas* [15], dapat 5A [lima] (Mengiyakan). Saya cipta rekod itu, sampai hari ini. Itu yang saya tidak dapat lupakan (suara kanak-kanak) kenangan manis *lapan belas* [18] tahun dekat Sri Bali, ramai anak murid saya sudah memegang jawatan

besar dalam kerajaan. Ada *lawyer* [peguam], ada doktor, ada pegawai tentera segala-galanya ada (suara kanak-kanak). Saya cukup senang sekarang ini.

FN : Pernah tidak cikgu sampai tidur bermalam di sekolah untuk menolong anak-anak bangsa kita kan, sebelum diorang menghadapi peperiksaan?

DRM : Itu perkara biasa, dan bawa mereka sampai ke rumah, tidur rumah saya petang jumaat dan hantar balik rumah *dia orang* [mereka] petang ahad (bunyi motosikal) (bunyi orang bercakap) makan dengan saya, tidur *kat* [di] rumah saya. Saya sewa lagi sebuah rumah depan itu. Macam itu sekali, setiap tahun.

FN : Kira sampai sekarang lah dia memang rapat (suara kanak-kanak) dengan cikgu?

DRM : Budak sekolah sekarang ini, saya bawa tidur rumah. (Mengiyakan). Budak Sawah Baru itu, boleh (bunyi batuk) katakan semua *dah* [sudah] saya bawa balik (suara kanak-kanak) sebab tidak ramai. *Tiga puluh* [30] orang muridnya. Bawa balik semuanya.

TAMAT SEKSYEN KETIGA

Seksyen keempat: Aspek politik

FN : *Okay* [Baik lah], itu lah dia serba sedikit tentang aspek (suara kanak-kanak) kerjaya dalam bidang pendidikan tokoh kita. Kita akan meneruskan ke seksyen seterusnya aspek politik. Boleh teruskan lagi cikgu (bunyi motosikal)?

DRM : Boleh tiada masalah (bunyi cawan).

FN : *Okay* [Baik lah], (suara kanak-kanak) (bunyi motosikal), untuk aspek politik, boleh cikgu seritakan serba sedikit tentang penglibatan awal dalam bidang politik?

DRM : Sebenarnya, saya ini darah yang mengalir di jiwa saya ini sebenarnya, memang darah pejuang. Darah pejuang ya. Kalau sebut Dol Fatah, dalam Bahasa arab Dol Fatah ini pejuang. Berani mati. Tadi namanya pun *dah* [sudah] menggambarkan (suara kanak-kanak) jiwa saya dan *bila* [apabila] menyebut penglibatan awal dalam politik, saya semasa meniaga pasal malam itu, saya *dah* [sudah] aktif dengan belia di kampung. (Suara kanak-kanak) saya banyak pergi kursus kepimpinan, pusat-pusat lawatan belia (suara kanak-kanak). Saya banyak menyertai kem-kem yang dianjurkan oleh kementerian Negeri Sembilan. Sehingga saya menjadi pemedato terbaik kem ini, pemedato terbaik kem itu. Tokoh pemimpin (bunyi pinggan) di kem sepanjang kursus diadakan. Kemudian, *bila* [apabila] saya masuk ke maktab perguruan, apatah lagi. Bakat yang (suara kanak-kanak) telah ada (bunyi batuk) di situ, kalau saya cerita orang macam *tak*

[tidak] percaya. Dengan badan yang kurus, badan saya yang kecil pada masa itu (suara kanak-kanak). Saya dicalonkan menjadi exco di maktab. Pada tahun pertama saya berada di maktab perguruan. (suara kanak-kanak) Saya menang, exco makanan. Saya jaga setiap jamuan yang besar. Saya yang jaga. Dan itu sedikit sebanyak, saya minat catering. Saya tahu (Suara kanak-kanak) lepas itu tahun yang kedua. Saya disuarakan, oleh rakan-rakan supaya saya cuba bakat untuk bertanding *YDP* [Yang Di Pertua] presiden ketua persatuan guru pelatih. Saya kata saya *tak de* [tiada] modal. Saya boleh bercakap sahaja, berpidato (bunyi kerusi diseret), saya kata boleh berbincang masalah. Maka tidak mengapa, (suara orang) modal kita akan cari. Diorang *lah* [tabiat bercakap] yang buat poster, gantung poster, tampal poster, ya macam pilihan raya. (suara kanak-kanak) Saya menang. Saya kalahkan abang senior. Abang itu tinggi dia. Dia sebelum itu dia jadi Naib Presiden, pastu dia bertanding, saya exco (bunyi pinggan) biasa bertanding Presiden. Saya menang. Sebab saya orang yang bercakap (suara orang), berhujah, fakta bentangkan fakta, kenapa mesti lantik saya. *Bila* [apabila] *dah* [sudah] jadi Presiden, akhirnya (bunyi motosikal) *bila* [apabila] *dah* [sudah] tamat, maka bermula lah [tabiat bercakap] (suara kanak-kanak) politik matang di luar kampus.

FN : Masa masih belajar itu, berapa lama cikgu memegang jawatan *YDP* [Yang Di Pertua]?

DRM : Ya, *satu* [1] tahun. *Satu* [1] penggal. Kemudian *bila* [apabila] *dah* [sudah]

berada di luar, lagi senang *lah* [tabiat bercakap] saya, dengan bakat yang ada saya menceburkan diri dengan parti *UMNO* [United Malays Nation Organization] sebab saya tahu parti *UMNO* ini sahaja yang mampu mengubah nasib bangsa, parti *UMNO* [United Malays Nation Organization] sahaja yang boleh berjuang untuk melayu. Mana ada parti lain. Dulu lagi *UMNO*, bukannya keadilan, bukannya *PKR* [Pakatan Rakyat], bukannya *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia]. *UMNO* dulu di tubuhkan, baru serpihannya *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia]. Baru serpihan *PKR* [Pakatan Rakyat]. Jadi saya melibatkan diri dengan *UMNO*. (bunyi motosikal) Saya bermula daripada bawah. Bermula ahli *UMNO* cawangan Rumah Awam Chaah. Saya *lepas* [selepas] saya jadi ahli biasa, saya jadi ketua *PEMUDA* dekat sini. *Lepas* [selepas] saya jadi ketua *PEMUDA*, beberapa penggal (suara budak) saya jadi setiausaha *UMNO* cawangan. *Lepas* [selepas] saya jadi setiausaha *UMNO* cawangan, saya di minta oleh bahagian jadi Ketua Penerangan Ketua Bahagian. *Lepas* [selepas] Ketua Penerangan *PEMUDA* Bahagian, saya jadi Naib Ketua *PEMUDA* Bahagian (suara kanak-kanak). *Lepas* [selepas] Naib Ketua *PEMUDA*, saya ditawarkan ketua *PEMUDA* Bahagian. Saya menang Ketua *PEMUDA* Bahagian. *Lepas* [selepas] itu, *Lepas* [selepas] Ketua *PEMUDA* Bahagian, saya *dah* [sudah] tamat usia pemuda, saya bertanding Timbalan Ketua Bahagian (bunyi batuk) saya menang Timbalan Ketua Bahagian. *Lepas* [selepas] itu, di takdirkan Allahyarham Datuk Sulaiman Taha meninggal dunia, saya memangku jawatan Ketua Bahagian selama *tiga* [3]

tahun. Itu lah orang kampung dari Negeri Sembilan berdagang ke sini cari rezeki, di terima olah masyarakat dan kepimpinan kita. Saya *tak* [tidak] mengharapkan sesuatu, dan di peringkat negeri Johor, (bunyi pinggan) menjadi ahli jawatankuasa pemuda negeri, perhubungan negeri. Saya menjadi Pengerusi Kelab Putera UMNO Johor dan sekarnag ini saya Pengerusi Biro Kebajikan Dan Agama *Kelab Putera 1 Malaysia* [KP1M] kebangsaan. Begitu lah sejarahnya, (suara orang).

FN : Cukup lama pembabitan cikgu ya (berdehem). Boleh saya tahu, bilakah tahun awal pembabitan cikgu dalam dunia politik?

DRM : (bunyi cawan diletak dan bunyi batuk) Saya mula politik ini, selepas tamat maktab perguruan, *Sembilan puluhan* [90-an] saya bertugas, *Sembilan puluh satu* [91], *Sembilan puluh dua* [92], *Sembilan puluh tiga* [93], *Sembilan puluh empat* [94] saya main politik. *Sembilan puluh empat* [94] saya main politik, bermula di politik cawangan Rumah Awam Chaah, mendaftar sebagai ahli biasa, ahli UMNO cawangan Rumah Awam Chaah.

FN : Adakah penglibatan cikgu, ke dalam dunia politik ini berdasarkan minat atau pun mendapat dorongan daripada sesiapa?

DRM : Ini minat saya. (Mengiyakan). Minat saya sungguh-sungguh. Tiada di dorong oleh sesiapa. Adik beradik saya *tak* [tidak] main politik, saya *sorang* [seorang] main politik. Sebab saya kata, jiwa saya jiwa pejuang. Saya benci kalau tengok orang melayu kena tindas. (Suara orang). Saya

benci melihat bangsa saya di hina. Saya ini kalau ada orang memperlekehkan *MH370* [kod penerbangan kapal terbang] ini, tidak guna kerajaan, saya benci, cukup benci saya kata. Saya berani berdebat dengan siapa pun, Karpal Singh ke saya berani. Tiada masalah. Kita ceritakan yang benar, yang *haq* [hakiki].

FN : **Boleh saya tahu, adakah jiwa pejuang cikgu itu, cikgu dapat daripada ayah cikgu ke? Ya *lah* [tabiat bercakap]. Mana lah tahu ayah cikgu merupakan seorang bekas askar suatu ketika dahulu.**

DRM : Ayah saya bekas seorang askar wataniah, dan dia pernah menyaksikan darah pakcik dia mengalir *kat* [dekat] lantai rumah akibat di tembak oleh komunis. Dia cerita dengan saya. *Bila* [apabila] dia cerita saya macam itu, saya apatah lagi meluap-luap lah saya untuk memperjuang nasib bangsa, memperjuang nasib agama_ (suara kanak-kanak dan bunyi batuk) kalau saya *tak* [tidak] memperjuangkan, siapa yang *nak* [hendak] memperjuangkan? Saya kata *waima* [sama ada] kalau *nak* [hendak] serahkan nyawa untuk taruhan agama bangsa saya sanggup. Macam itu sekali lah, kentalnya semangat saya. (suara kanak-kanak)

FN : ***Okay* [Baik lah], setakat manakah cikgu aktif dalam bidang politik?**

DRM : (suara kanak-kanak) Saya aktif di peringkat politik ini dan sekarang ini, saya menjadi Ketua Pemuda, sampai saya pernah dipilih oleh perhubungan negeri pemuda-pemuda, sebagai juru cakap di perhimpunan agung *UMNO*

[United Malays Nation Organization]. Itu gambar itu, tahun *dua ribu empat* [2004] (sambil menunjuk ke arah gambar). Saya bercakap dihadapan *dua ribu* [2000] lebih orang. Ya, masa itu Hishamuddin jadi Ketua Pemuda. Saya cakap tentang perjuang bangsa, perjuangan melayu, anak-anak muda melayu. Apa mesti buat. Untuk kecemerlangan tamadun bangsa kita. Betul saya cakap. Program kita buat sungguh-sungguh bukan main-main. Sungguh-sungguh habis bergolok bergadai. Duit sendiri tidak ada *support* [sokongan] dari mana-mana. Itu dia ada program Kuala Lumpur kita pergi, ada program Perak kita pergi, tidur *kat* [di] dalam kereta *tak de* [tiada] masalah. *Kat* [di] masjid tidur *nak* [hendak] bersama dengan ketua-ketua kita. Itu.

FN : Ketika cikgu bagi penghujahan di depan berapa ribu Pemuda UMNO [United Malays Nation Organization] masa itu, cikgu *dah* [sudah] berapa lama terlibat dalam dunia politik?

DRM : *Dua ribu* [2000] lebih. Masa ini saya *dah* [sudah] *sepuluh* [10] tahun. Yela daripada *Sembilan puluh empat* [94], *dua ribu empat* [2004], *sepuluh* [10] tahun *lah* [tabiat bercakap].

FN : Boleh cikgu berkongsi sedikit, pengalaman sepanjang berkecimpung dalam dunia politik?

DRM : Dalam pengalaman, sebab saya main politik tidak mensasarkan apa-apa. Saya lebih berminat untuk bantu orang. Jadi pengalaman-pengalaman

bantu orang ini terlalu banyak bagi saya. Saya sewajibnya dan semestinya menyelesaikan masalah orang. (suara orang) Sebab saya ini pemimpin dan saya mesti bawa masalah mereka ke pengetahuan menteri-menteri berkaitan. Saya *tak* [tidak] pernah minta duit minyak, *tak* [tidak] pernah minta duit itu daripada mereka dan yang paling bahagia dan membanggakan saya, *bila* [apabila] masalah mereka ini dapat saya (suara orang) selesaikan. Jadi orang berguna (bunyi pinggan) dalam masyarakat. Dapat pegang jawatan tinggi dalam masyarakat. Jadi *lawyer* [peguam], jadi doktor, jadi pegawai tentera, pegawai laut, pegawai kastam, imegresen. Ini yang saya harap-harap daripada anak murid saya yang saya tolong dan saya bantu ini, daripada perjalanan politik saya. Itu saya.

FN : (suara orang) *Okay* [Baik lah], apakah sumbangan (bunyi motosikal) cikgu pada politik?

DRM : Kalau sebut sumbangan dalam politik. Saya suka meninggalkan legasi. *Bila* [apabila] saya tidak main politik saya tidak mahu ianya akan terkubur. Saya kena perjuangkan kesinambungan. Oleh itu, apa yang saya buat, saya meninggalkan legasi di Labis. Saya meninggalkan tokoh-tokoh muda yang boleh meneruskan perjuangan saya. Contohnya, Yang (bunyi kereta) Berhormat saudara Azhar Ibrahim ahli dewan undangan Tenang. Masa saya jadi Ketua Pemuda, dia ada lah bendahari saya. Akhirnya, legasi itu, akan berkembang. Ini yang saya *nak* [hendak]. Alhamdullilah sudah menampakkan (bunyi batuk) bakat kepimpinan pada masa itu. Insya Allah.

FN : Pernah tidak cikgu berfikir, berniat untuk bertanding di bawah Dun Negeri Sembilan?

DRM : Saya tidak pernah mimpi itu, *tapi* [tetapi] ada kawan-kawan saya menjemput saya, mempersilakan saya. “Angah, balik *lah* [tabiat bercakap] ke kampung. Tiada orang ini yang boleh menjadi”. Saya kata, tidak mengapa lah, kita bagi lah orang Negeri Sembilan. Saya *dah* [sudah] rumah di sini, alamat *kat* [di] sini. Tidak elok pula, saya kata. Kita kena buka buku baru. Saya katakan. Itu *lah* [tabiat bercakap] kisahnya, tidak apa lah Negeri Sembilan, Negeri Sembilan. Saya biar di Johor berdagang.

FN : Sudah cukup selesa lah di Johor. Okay [Baik lah], (berdehem) boleh cikgu beritahu mengapa cikgu masih diperlukan dalam dunia politik?

DRM : Saya tidak menyatakan saya diperlukan dalam dunia politik. Walaupun saya sekarang ini sebagai pemerhati politik di Labis, *tapi* [tetapi] masih juga ramai ahli-ahli yang masih mengenali saya, masih lagi memerlukan khidmat saya (suara kanak-kanak). Puncanya kenapa? Sebab saya *dah* [sudah] *dua puluh lima* [25] tahun main politik. Rangkaian saya di peringkat pusat *dah* [sudah] terlalu ramai. Jadi, saya merasakan mereka ini perlukan saya, dan saya juga sebenarnya memerlukan mereka. “*Hablun minannas*” [perumpamaan Bahasa arab] saya kena jaga. Iaitu hubungan manusia dengan manusia. Tidak kira orang cina, orang india, orang asli siapa sahaja datang, pasti saya dengan berlapang dada membantu mereka. Walaupun sekadar memandang politik dari jauh, Insya Allah saya akan

bantu sebaik mungkin. Iya, kalau *nak* [hendak] cerita bantu orang ini, terlampau banyak. *Nak* [hendak] mendapat tempat *kat* [di] luar Negara *lah* [tabiat bercakap], biasiswa lah. Terlampau banyak. Tidak payah *lah* [tabiat bercakap] saya cerita. (berdehem)

FN : ***Okay* [Baik lah], seperti yang kami tahu ialah cikgu merupakan seorang pendidik dan juga merupakan seorang yang aktif dalam politik. Apakah reaksi isteri dan ahli keluarga cikgu (suara orang) sendiri, bila mendapat tahu cikgu menceburi dalam bidang ini politik.**

DRM : Sebenarnya, saya rasa cukup bertuah. Saya cukup rasa bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana kurniakan kepada saya seorang isteri (bunyi pintu ditutup) pasangan hidup yang memahami minat saya. (Bunyi batuk) yang amat-amat memahami minat saya. Malahan, dia tidak pernah bertanya saya hendak pergi mana. Mahu pergi sudah tahu sudah. Malahan kalau saya kata, tiada *tiga* [3] hari. Dia tidak tanya mana tempat lokasi mahu pergi. *Dah* [sudah] siap beg saya dekat sana, dalam itu ada peralatan mandi, ubat-ubat saya, segala kelengkapan saya sudah ada. Bertuah saya. Dan kalau saya balik malam pukul *dua* [2] pagi *tak* [tidak] pernah pintu ini berkunci. Sentiasa terbuka dan sampai pernah saya cakap dengan dia, selagi saya main politik, jangan tanya mana pergi duit kebun (suara orang) sawit. Saya semua laburkan dekat politik, saya kata. *Okay* [baik lah], dia redha. Macam itu *lah* [tabiat bercakap] sokongan yang diberi pada saya termasuk lah (suara kanak-kanak) anak-anak, memahami. Anak-anak,

memahami cukup. Dan saya cukup yakin kerana ini semuanya *satu* [1] jihad. Saya tolong orang, saya tolong manusia, Insya Allah walaupun masa saya dengan anak-anak agak terbatas *tapi* [tetapi] saya cukup percaya dengan bantuan Allah s.w.t dan Alhamdulillah dengan keyakinan yang cukup tinggi itu anak saya berjaya, Alhamdulillah. Anak saya berjaya, saya bangga. Alhamdulillah, dalam kesibukan saya, isteri saya boleh sampai *Master* [Sarjana], anak saya *dua* [2] orang *dah* [sudah] masuk universiti, seorang lagi pun akan ikut. Anak orang lain naik pentas ambil hadiah, anak saya pun ambil hadiah. (Bunyi motosikal) terus terang, saya tidak pernah hantar anak pergi tuisyen. Serius ini *tapi* [tetapi] bagi saya lah kalau kita tolong orang, Insya Allah ganjarannya akan dapat dalam dunia ini juga. (mengiyakan)

FN : Alhamdulillah, yela anak cikgu yang kecil pun baru berusia tujuh tahun. Dia pun memahami lah kerjaya cikgu. (Suara orang) *Okay* [Baik lah], adakah masa terluang cikgu bersama keluarga *bila* [apabila] sudah sibuk dengan sekolah dengan politik. *Bila* [apabila] itu cikgu membawa mereka keluar luangkan masa bersama?

DRM : *Okay* [Baik lah], bagi saya ini cukup mudah. Ini cukup mudah bagi saya. Yang pertama mudahnya sebab zaman-zaman saya main politik sudah ada hubungan komunikasi yang tidak mengenal sempadan. *Handphone* [telefon bimbit] dengan isteri saya. Saya *dah* [sudah] cukup bersyukur, keluar ke mana-mana saya pasti telefon. *Dah* [sudah] sampai sini, dan saya

akan tanya (bunyi pinggaan) macam mana kak long, kak ngah saya akan tanya. *Okay* [Baik lah], dan *bila* [apabila] tiada kerja-kerja politik dan apa yang saya buat saya masak sendiri. Saya sendiri masak. *Pasal* [sebab] saya minat memasak, saya masak saya makan pula dengan anak-anak dan waktu yang paling seronok. Pasti saya akan bawa anak saya makan *kat* [di] luar. Kau makan *lah* [tabiat bercakap] apa-apa dan saya boleh sama-sama main badminton dengan diorang. *Bila* [apabila] saya ada masa terluang. Saya *nak* [hendak] kerja balik masa, masa yang telah saya buang, saya [hendak] mesrakan dengan anak-anak dan *satu* [1] kekuatan saya *bila* [apabila] saya balik bersama, sampai ke hari ini, solat Jemaah tidak pernah tinggal. Itu kekuatan. Solat Jemaah *waima* [sama ada] siapa pun jangan tinggalkan. Itu kekuatan (suara orang). Insya Allah.

FN : Cukup hebat pengorbanan cikgu terhadap keluarga ya. *Okay* [Baik lah], cikgu selama *dua puluh* [20] tahun cikgu berkecimpung dalam dunia politik, apakah halangan-halangan lah yang pernah cikgu hadapi semasa dan selepas berkecimpung dalam politik.

DRM : Halangan dalam politik, pertama secara peribadi lah, kekangan saya dari segi kewangan. Main politik ni *tak ada* [tiada] bantuan sebenarnya. Mengharapkan duit sendiri. Saya *nak* [hendak] menjaga ahli UMNO bahagian Labis hampir *lima belas ribu* [15 000] orang. Cuba bayangkan macam mana *nak* [hendak] menjaga. Ada cawangan *empat puluh lima* [45] cawangan (suara kanak-kanak) cuba bayangkan. Kalau sekali mesyuarat

saya bagi *lima ratus* [500], *satu* [1] musim mesyuarat berapa dah. Itu tidak kira (suara kanak-kanak) lagi *function* [acara] besar-besar. Sambutan Hari Raya, Mesyuarat Agong, saya belanja *dua puluh ribu* [20 000] ringgit, jamuan hari raya, kadang-kadang *tiga puluh ribu* [30 000]. Mana saya *nak* [hendak] dapat duit. Itu halangan kekangan. Yang cabaran-cabaran, pesaing-pesaing ini, kita orang politik tidak ada masalah dan cabaran-cabaran dari segi masa, saya *tak ada* [tiada] masalah sangat. Saya boleh *manage* [uruskan] masa saya. Sebab saya sekolah, petang mesyuarat *kat* [di] KL, *dah* [sudah] sampai *dah* [sudah] KL. Itu saya punya kehebatan (bunyi motosikal). Yang *sorang* [seorang] *mandu* [memandu], saya memang akur (suara kanak-kanak) dengan arahan.

FN : Contoh cabaran yang pernah cikgu hadapi dalam dunia politik, contohnya mendapat mesej berbaur ugutan ke?

DRM : Setakat ini, sebab sepanjang saya main politik *pasal* [sebab] prinsip saya main politik, saya bukan (suara orang) *nak* [hendak] cari musuh, saya bukan *nak* [hendak] cari kekayaan, saya bukan *nak* [hendak] cari kedudukan *nak* [hendak] jadi *YB* [Yang Berhormat]. Saya jiwa saya, jiwa masyarakat, berbeza dengan orang yang tercampak dalam dunia politik, berangan-angan *nak* [hendak] jadi *YB* [Yang Berhormat]. Berangan-angan *nak* [hendak] bergelar Datuk. Saya tidak, saya tidak macam itu. Saya memberi khidmat kepada orang yang memerlukan. Sebab itu, saya boleh berkawan baik dengan orang *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia], saya boleh

berkawan dengan orang PKR [Parti Keadilan Rakyat], DAP saya tiada masalah. Itu saya pelik, orang dapat ugutan. (Bunyi perakam suara) saya tidak pernah dapat. Malah kata-kata sokongan daripada mereka. Teruskan lah cikgu walaupun cikgu berbeda ideologi, teruskan. (Berdehem). Minta maaf lah, tiada. (Berdehem).

FN : Okay [Baik lah], kenangan yang paling manis, ketika cikgu aktif dalam bidang politik?

DRM : Kenangan yang paling manis, yang pertama saya *tak* [tidak] akan lupa peristiwa tahun *dua ribu empat* [2004] (bunyi helain kertas diselak). Saya dipanggil mewakili badan perhubungan pemuda UMNO [United Malays Nation Organization] Negeri Johor. Bukan senang *nak* [hendak] jadi, jadi jurucakap. Dan dalam perhimpunan ini lah menyebabkan saya terkenal seluruh Malaysia. Sebab ayat yang saya masih ingat lagi, masa itu saudara *KJ* [Khairi Jamaluddin], menang tanpa bertanding jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Bertanding dengan Yang Berhormat Datuk Seri Hishamuddin. Saya berdiri, saya bercakap terus terang. Pegang mikrofon, “ingat saudara *KJ* [Khairi Jamaluddin], saudara diarahkan menang tanpa bertanding hari ini *tapi* [tetapi] ingat, wahai kawan-kawan sekalian yang berada di dalam dewan ini yang memenuhi ruang dewan ini, (suara orang) sekiranya saudara *KJ* [Khairi Jamaluddin], tidak mampu berganding dan bekerjasama dengan saudara Datuk Hishamuddin kita, kita ramai-ramai pancung dan buang *KJ*.” Berdiri semua. Ayat itu saya tidak akan lupa.

(suara orang) Saya cakap pancung kepala *KJ* [Khairi Jamaluddin], sampai__ telefon saya *lepas* [selepas] itu, teruk- *KJ sepuluh* [10] minit selepas itu *sms* [pesanan ringkas]. “Abang, sikit pun saya tidak marah. Saya anggap itu nasihat”. Tidak berani orang panggil saya berucap lepas itu lagi. (ketawa) Hishamuddin geleng kepala. Ini cerita benar. Kerana ayat itu *lah* [tabiat bercakap] saya sampai hari ini, ramai kawan-kawan seluruh Malaysia, panglima *dah* [sudah] datang Datuk. Sebab saya memang, itu saya kata sebab jiwa saya jiwa perang, pejuang.

FN : Ketika itu di bawah pimpinan Datuk Hishamuddin. *Okay* [Baik lah], bagaimana pula dengan kenangan pahit lah yang terpaksa cikgu hadapi untuk sama-sama dengan pejuang UMNO ketika itu?

DRM : *Bila* [apabila] sebut pengalaman pahit, tidak banyak sangat bagi saya, sebab saya tidak pernah bertempur, bertemu dengan suasana macam itu. Paling pahitnya pun kalau *nak* [hendak] kata pahit, ketika –diamanahkan sebagai pengerusi Barisan Nasional parlimen Labis pada pilihan raya yang ke *tiga belas* [13] hari itu. Kita *dah* [sudah] buat yang terbaik, *tapi* [tetapi] dikecewakan oleh Parti DAP di DUN Bekok. Kita tewas di DUN Bekok. Itu kenangan pahit *lah* [tabiat bercakap]. Walaupun dulu-dulu memang ada sejarahnya, Bekok itu diwakili oleh (bunyi motosikal) DUN daripada parti pembangkang. *Tapi* [tetapi] pada masa saya, sekali lagi berulang. Itu satu kenangan yang pahit lah bagi saya, memang pahit lah, kecewa yang teramat sangat. Ya, kita *dah* [sudah] buat macam-macam, pembangunan,

macam-macam cara untuk menarik perhatian mereka, menarik simpati mereka *nak* [hendak] juga dia pangkah DAP. Tidak tahu *lah* [tabiat bercakap] tertalam DAP macam mana. Sampai orang Kampung Kudung asli itu, dia anggap saya sebagai keluarga saya sendiri, Kampung Kudung itu orang asli semuanya. Saya tidur dengan mereka, *bila* [apabila] hari mengundi. Itu *lah* [tabiat bercakap] betapa sedihnya, pahit lah itu bagi saya itu. Kecewa (suara budak).

FN : *Okay* [Baik lah], cikgu berbalik kepada penglibatan aktif cikgu, selain terlibat dalam dunia politik, adakah cikgu ada terlibat dalam di mana-mana badan *NGO* [Non Government Organization] lain?

DRM : *Bila* [apabila] sebut *NGO* [Non Government Organization] ini saya naik bulu roma (ketawa). Betul saya cakap. Saya *NGO* ini, saya menjadi ahli Kelab Putera 1 Malaysia. Dan jawatan tertinggi saya sebagai Pengerusi Biro Agama dan (suara kanak-kanak) kebajikan. Dan bercerita tentang peranan kelab ini, kelab ini mempunyai tugas yang cukup berat. Memikul amanah kepimpinan Negara, *bila* [apabila] setiap kalinya berlaku bencana, malapetaka di luar Negara, maka kelab ini lah diutuskan oleh kerajaan Malaysia untuk misi (suara kanak-kanak) bantuan kemanusiaan. Contohnya, ribut, banjir, kemarau, kemiskinan, kebuluran, gempa bumi, peperangan. Ini *lah* [tabiat bercakap] kelab putera, ini lah yang berada dibarisan hadapan *NGO-NGO* [Non Government Organization] lain daripada Malaysia. Untuk berkhidmat, memberi bantuan sedaya mungkin

di bumi yang ditimpa bencana. *Kerna* [kerana] itu, *bila* [apabila] sebut Kelab Putera 1 [satu] Malaysia ini, saya cukup seronok. Saya cukup gembira bersama dengan presiden saya, Yang Berhormat Datuk Haji Aziz Rahim, Ahli Parlimen Baling, merangkap Pengerusi Tabung Haji sekarang (berdehem) yang cukup komited dan saya banyak belajar dari dia, bagaimana menguruskan misi-misi bantuan. Sebab *bila* [apabila] kita berada di lokasi bencana, kita *tak* [tidak] boleh menggambarkan (bunyi pintu ditutup), kita berada di tempat rehat seperti di kampung halaman kita. Luar biasa malapetakanya. Kalau gempa bumi, luar biasa gempa bumi. Kalau banjirnya, banjir *kat* [di] Malaysia kita bandingkan terlalu kecil *nak* [hendak] banding dengan banjir besar dekat Pakistan. Kita tengok tsunami yang berlaku dekat Pulau Pinang, Kuala Muda alah kecilnya. Kalau saya tengokkan tsunami dekat jepun, kapal berada di tingkat *lapan* [8], tingkat *Sembilan* [9] tersangkut. Hebat. Jadi, saya berazam untuk meneruskan perjuangan saya dalam kegiatan *NGO* [Non Government Organization] ini selagi pucuk pimpinan memerlukan saya. Kerana ini merupakan ilmu kepada saya, sekiranya Negara saya di timpa bencana malapetaka seperti ini. Dan (suara kanak-kanak) saya *bila* [apabila] banjir berlaku skuad saya keluar. Bagi tilam sana, bagi beras sana. Keluar. Kita akan buat. Alhamdulillah *lah* [tabiat bercakap] pengalaman itu, *bila* [apabila] ada orang yang mempertikaikan apa *lah* [tabiat bercakap] macam ini tidur dekat balai raya, *tak ada* [tiada] tilam *tak da* [tiada] apa kata dia. Saya kata, “abang, abang bersyukur abang. Abang

tidak pergi Pakistan masa saya pergi banjir besar. *Diorang* [mereka] tidur dekat jalan tar panas-panas". Saya cakap. Saya saksikan mereka ini masak capati tepek atas peha tau. Saya kata. Kualiti besar pinggan. *Tepek* [letak] capati, berebut. Abang dapat makan ayam segar, dia bagi sejadah sembahyang. Masuk parit, salurkan paip baru, ada bantal, ada selimut, disediakan masak pun abang *tak* [tidak] bersyukur lagi. Lewat *satu* [1] minit *sardin* [makanan dalam tin] sampai, abang *dah* [sudah] marah, kenapa saya kata. Dia *tak* [tidak] makan tiga hari tau. Itu maknanya saya aplikasikan. Ya, apa yang berlaku dekat Pakistan, saya bawa balik *kat* [di] Malaysia. Saya cerita. Macam perpecahan yang berlaku dekat Somalia, itu puncanya perpecahan, pergaduhan. Yang berlaku pada UMNO, PAS, PKR. Orang Cina selalunya *dek* [tabiat bercakap] untung. Menanguk dek air keroh. Orang *DAP* [Democratic Action Party] yang untung. (suara kanak-kanak) Itu saya cakap terus terang, saya tidak takut. Pemerasan yang berlaku di Somalis, contoh. Group A, group B, Islam. Bangsa Somalia, Bangsa Somalia. *Nak* [hendak] berebut jadi ketua. Yang B ini tadi support senjata Amerika. Yang A pun support senjata Amerika. Jadi maknanya senjata Amerika bunuh orang Islam Somalia. Ini yang berlaku esok. Melayu UMNO, Melayu PAS, PKR bertembak sama sendiri, DAP *supply* [bekalan] senjata. Habis kita (suara kanak-kanak). Minta maaf *lah* [tabiat bercakap] tercapak.

FN : *Okay* [Baik lah], adakah cikgu juga turut melabur dan juga

menderma sedikit hasil daripada kutipan, hasil kutipan cikgu punya ladang kelapa sawit kepada mangsa-mangsa yang pernah cikgu lawati dahulu?

DRM : Saya *bila* [apabila] sebut tentang memberi sumbangan pada mangsa-mangsa ketika pergi luar Negara dulu, kita *tak* [tidak] perlu. Pasal kita punya sekretariat *dah* [sudah] cari barang-barang itu, *dah* [sudah] siap sedia. *Tapi* [tetapi] saya punya pendapatan hasil-hasil saya itu, saya kongsi dalam penglibatan politik. Sebab saya kata tadi, politik tidak ada sumbangan apa-apa duit. Kalau *nak* [hendak] main politik ingat-ingat lah. Tidak dapat duit punya. Kita yang habis duit. Bagi orang minta sana, minta sana. Jadi, itu memang (bunyi motosikal) saya gunakan duit poket sendiri. Duit minyak sekali pergi *KL* [Kuala Lumpur] berapa? Tol berapa. *Kang* [tabiat bercakap] sampai sana kalau bawa kawan kang, belanja makan. Sendiri duit. Bukan ada apa-apa. Kang orang minta hadiah *lima* [5], minta derma hari sukan, jadi minta buat hari keluarga, (bunyi kerusi) ini *nak* [hendak] minta anak belajar. Bayar yuran awal tahun, banyak-banyak. Macam-macam kerenah mangsa ini *bila* [apabila] kita jadi ketua.

FN : ***Okay* [Baik lah]. Sepengetahuan saya, cikgu juga ada terlibat dalam banyak ekspidisi dan misi bantuan. Apakah misi bantuan dan espidisi itu?**

DRM : Saya ialah (Bunyi motosikal) hendak kata hebat tidak hebat, tetapi banyak lah misi bantuan yang telah saya jelajah dari *satu* [1] Negara ke *satu* [1]

Negara. Bermula saya membawa *tiga belas* [13] orang mat rempit ke Kutub Utara. North Porl, Rusia, kawasan yang paling sejuk di dunia untuk mencipta rekod penerjun muda pada masa itu (Bunyi motosikal) membawa kapal, membawa bendera paling besar pada masa itu. Dan saya hendak cakap sombong tidak *lah* [tabiat bercakap] saya manusia yang pertama azan di Kutub Utara. Balik daripada misi bantuan tersebut, saya pergi misi yang ke *dua* [2] mencipta rekod juga berenang secara solo daripada Dumai, Indonesia ke Teluk Kemang, Negeri Sembilan secara solo saudara Azmi, budak perak berjaya cipta rekod. Kemudian semasa sambutan bulan kemerdekaan, yang ke berapa saya tidak ingat, saya bawa hampir *dua ratus* [200] orang belia-belia remaja mendaki Gunung Kinabalu sampai ke puncak Gunung Kinabalu pada masa itu. Cipta rekod juga pada masa itu yang paling ramai sekali remaja mendaki pada masa itu. Kalau hendak ceritakan tentang penglibatan dalam bantuan kemanusiaan ini, saya pernah ke Somalia. Somalia ini *satu* [1] peristiwa yang menyayat hati lah (Bunyi motosikal). Cukup menyayat hati saya apabila sahabat baik saya saudara Noram Faizul, iaitu pemberita daripada *BERNAMA* [syarikat kewartawanan] ditembak curi menyebabkan ia terkorban pada masa itu ya. Dan sebenarnya misi itu kita sudah hendak balik *dah* [sudah], sudah hendak balik *dah* [sudah]. *Tapi* [tetapi] apakan daya takdir menentukan, kemudian saya terlibat juga pergi ke Palestin. Palestin kali pertama yang melihat mangsa peperangan menghulurkan bantuan. Tidak boleh hendak cerita *lah* [tabiat bercakap]. Kehidupan

Palestin. Orang tengok *tv* [Televisyen] tidak payah cerita lah dengan aku, Bohong lah engkau macam pandai benar! Engkau pergi sendiri lah tengokkan? *Lepas* [selepas] Palestin saya pergi ke Pakistan. Banjir besar yang melanda Pakistan. Saya cukup sedih banjir itu melibatkan kawasan yang cukup luas daripada Gemas ke Pasir Gudang__ kawasan. Banjirnya. Tenggelam! Tidak nampak apa. Orang semua tidur dekat jalan raya. *Lepas* itu saya, hendak ingat tidak teringat ini. *Lepas* [selepas] pergi itu saya pergi ke gempa bumi di New Zealand. Pun begitu rupa gempa bumi pun merekah. Merekah bumi .Ya Allah Ya Tuhan. Dan jumpa pelajar Malaysia dekat sana, tengok macam mana. Malaysia tiada gempa bumi, syukur lah kita saya cakapkan. Selepas itu, balik dari sana saya berkejar ke Jepun. Tsunami jepun. Di Tsunami Jepun masya Allah! Tengok kapal besar-besar tersangkut dekat tingkat *sepuluh* [10], tingkat *sebelas* [11]. Bangunan, Ya Allah. Sampah sarap daripada laut naik. (Bunyi orang berdengus) Takut! (Bunyi orang bercakap) Selepas itu saya pergi ke Syria, masa peperangan, pergi Palestin lagi sekali. (Bunyi orang berdengus) Banyak lah saya hendak sebut. Mana lagi ya? Pergi Filipina, Itali, pergi tengok penindasan kaum di *Rohingya* [daerah di Myanmar] itu kan. Selepas itu saya pergi semua saya pergi. Tengok macam mana orang Islam yang ditindas. Sedih! Rumah dibakar tengah-tengah malam, orang sedang tidur. Rumah bukan rumah batu, rumah jerami. Dibakar cuba bayangkan macam mana? Bertempiranan lari. Askar jaga dekat keliling. Tangkapnya yang lari itu, dikumpulnya disumbat dalam bot hantar dekat laut tenggelamkan. Padi

diaorang [mereka] itu dibakar. Tanam padi, lembu dia ditembak. Ya Allah. Kita dekat Malaysia ini syukur *lah!* [tabiat bercakap] *Satu* [1] peristiwa yang menyayat hati saya berlaku di Syria. Syria. Kayakan. Saya pergi masuk kem. Saya_ jumpa pakcik yang umur lebih kurang *lima puluh* [50] -an. Saya tanya dia_ _ _ _ . Dia cakap apa dengan saya? Hendak tahu? (Bunyi suara) Dia cakap ini. “*Thank you Malaysia come to Syria, to help me, bring food_ _my sugar and anything* [Terima kasih Malaysia datang ke Syria, untuk tolong saya, bawa makanan_ _gula saya dan apa sahaja]. *But* [Tetapi]. Dia ada *but* [Tetapi] dia cakap itu. *We all don’t want this* [Kami semua tidak mahu ini]. *You can take it back to Malaysia* [Awak boleh ambil balik bawa pulang ke Malaysia]._ _ _ _ . *I want my country back* [Saya hendak Negara saya balik]. Nampak? *I want my country back* [Saya hendak Negara saya balik]. Saya hendak Negara saya balik. Apa yang tersirat dekat sini pada saya punya pemikiran, saya kata tengok orang yang sudah punah Negara dia, baru dia terfikir hendak Negara dia balik. Hendak keamanan dia balik. Saya imbas dekat Malaysia pula terbalik. Negara yang aman hendak diperangkan. Hendak diperangkan. (Bunyi suara) Tunggu lah esok! Jadi macam Syria itu esok kita merempat dekat tanah air sendiri! (Cuba menegaskan ayat) Mana engkau hendak lari? Cina musnah dia boleh balik Tanah Besar. Mintak maaf rakam. Dia boleh balik Tanah Besar dia. India boleh balik Tanah Besar dia. Kita melayu hendak lari mana? Hendak lari Brunei? Hendak lari *Singapore* [Singapura]? Hendak lari Indonesia? Indonesia pun tidak main. Hendak lari Thailand?

Kena sembelih kita. Mana kita hendak lari. Lari dekat gunung? Tidak boleh. Maksudnya kita esok jadi pelarian dekat tanah air sendiri! (Cuba menegaskan ayat) Merempat macam dekat Syria itu duduk dekat padang pasir, buat pondok tidur bawah pokok, kawan dengan monyet dalam hutan. Tidak makan kebulur. Cina *control* [Menguasai] bandar. Ini yang muda-muda ini kena faham. Kena faham! (Cuba menegaskan ayat) Macam mana Negara ini dibina. Dibina oleh datuk nenek moyang kita dahulu yang betul-betul ada tulang *empat* [4] kerat, ada ilmu. Jangan gadaikan! Jangan gadaikan tanah air bertuah ini! Jangan sekali-kali hendak diduga! Jangan sekali-kali hendak diubah! Bukan tidak boleh menegur. Boleh tegur kepimpinan yang pincangan ini. Boleh tegur! Tetapi jangan ditukar! Ditukar, ini *lah* [tabiat bercakap] jadi. Awak ingat boleh dapat Pulau Pinang balik semula? Boleh dapat? Akan terbentuk lah lagi *satu* [1] Singapura di bumi Malaysia. Kena ingat betul-betul. Kita adik-beradik pun kadang-kadang bergaduh. Begitu juga kita kadang bergaduh. Tetapi, apabila agenda bangsa perjuangan agama tanah air kita kena duduk. Cina berbeza. Gerakan *DAP* [Democratic Action Party], *MCA* [Malaysian Chinese Association]. Tetapi dia *just* [Cuma] satu bangsa tetap bahasa, tetap ekonomi, tetap *dia* tetap (Bunyi orang bercakap). *Okay* [Baik lah]. Mulakan cerita lain jadinya. (Bunyi orang ketawa)

FN : Okay [baik lah] cikgu. Boleh saya tahu pada tahun berapa yang cikgu terlibat dalam penjelajahan ke Kutub Utara?

- DRM : Kutub Utara, tahun *dua ribu tujuh* [2007] kalau tidak salah saya. *Dua ribu tujuh* [2007]. (Bunyi motosikal)
- FN : **Dan pada tersebut, belia-belia yang ikut itu memang terdiri daripada seluruh Malaysia atau negeri Johor sahaja? (Bunyi motosikal)**
- DRM : Pada masa itu, memang *satu* [1] dimensi baru. *Satu* [1] persepsi baru anak muda zaman rempit masa itu. Ingat *dua ribu tujuh* [2007]? Ingat? Rempit. Hebat! Maka, kita memikirkan, kita bermesyuarat. (Bunyi orang bercakap) Kita fikir kalau benda ini tidak di atasi, benda ini akan merebak. Jadi kita cuba mencipta *satu* [1] kelainan pada masa itu macam mana hendak beritahu mat rempit yang ramai dekat Malaysia pada masa itu bahawa dia boleh cipta nama. Tetapi dengan ciptaan nama yang penuh berhemah. Yang akan dinobatkan sebagai *satu* [1] *arca* [petanda] sejarah Negara. Yang dibukukan, boleh dilihat melalui dokumentasi hitam putih. Paparan skrin, majalah, surat akhbar dan sebagainya. Jadi kita pun fikir, belanja mahal. Jadi kerana Malaysia ada *tiga belas* [13] buah negeri jadi kita pilih *tiga belas* [13] orang mat rempit seolah-olah melambangkan setiap negeri itu ada seorang wakil. Tetapi walaupun_ mula-mula masa peringkat awal *enam ratus* [600] orang hendak mencuba. Apabila dengar cerita Kutub Utara ini sejuk, ada yang mati, *tiga ratus* [300] tarik diri. Yang lelakinya (Bunyi orang ketawa). *Lepas* [selepas] itu apabila pergi sahaja dekat *KL* [Kuala Lumpur, sebuah negeri di Malaysia] tengok payung terjun. Macam ini (sambil memegang tudung penemuramah) rasa kain terjun itu nipis.

Takut mati. *Seratus lima puluh* [150] lagi hilang. Ini dia. Buat pulak ini apa, ini apa, macam_ simulasikan berada dalam_ buang lagi akhirnya tinggal *tiga puluh* [30] orang. Latihan dekat Segamat, Lapangan Terbang Segamat. Itu yang tersangkut dekat Kampung Jawa, tersangkut dekat wayar elektrik, dekat pokok durian, buang lagi *lima puluh* [50] orang. Akhirnya_ _ *tiga belas* [13] orang yang betul-betul *sign* [Tanda tangan] mati punya. _ Mati. Tetapi jiwa mat rempit ini apabila berada jauh daripada Negara sendiri, jiwa dia jadi manusia yang berguna. Itu *lah* [tabiat bercakap] besarnya mat rempit ini kalau kita boleh eksploitasi mat rempit ini jiwa kebolehan, dia boleh buat_. Budak itu memang mat rempit *gila totok* [gila sangat] punya (Bunyi orang ketawa). Betul tetapi apabila sembahyang hajat, budak Sabah itu boleh berbahasa melayu. “Ya Tuhan, saya tidak akan balik Malaysia Tuhan selagi saya tidak dapat terjun Tuhan. Saya mahu terjun, saya mahu cipta nama untuk Malaysia Tuhan. Tolong Tuhan”. Budak Sabah itu cakap macam itu. Pasal angin kuat tidak boleh terjun. Tidak boleh terjun. *PM* [Perdana Menteri] suruh balik, *Hishamuddin* [Datuk Hishamuddin Tun Hussien, sebagai Menteri Pelajaran ketika itu] suruh balik. Budak Sabah itu *Dato Aziz* [Ahli Parlimen Baling] kata, kamu semua tiada rezeki hendak terjun. Dia berkejar juga. Ustaz dia panggil.

Budak Sabah: Ustaz betulkah kita *kena* [perlu] balik?

Ustaz: Tidak tahu, datuk ada bising-bising mungkin kita *kena* [perlu] balik.

Budak Sabah: Kenapa ustaz?

Ustaz: *PM* [Perdana Menteri] sudah hantar *mesej* [Pesanan ringkas], angin kuat, jangan korbankan anak muda dekat Kutub Utara. *Hishamuddin* [Datuk Hishamuddin Tun Hussien, sebagai Menteri Pelajaran ketika itu] sudah telefon.

Budak Sabah: Ustaz, saya tidak mahu balik. Cakap sama Dato Aziz saya sanggup mati sini ustaz.

Macam itu sekali. Tengok jiwa mat rempit sebenarnya. Kalau betul kita eksploitasi, *boleh!* [Cuba menegaskan ayat] Boleh kita gunakan untuk apa_ _ _ tetapi kita macam mana hendak *control* [Mengawal] kalau ratus ribu orang mat rempit sana sinikan. Perangai tidak menentu ada dadah dalam itu, ada arak, ada perempuan, mampus *lah* [tabiat bercakap]. (Bunyi batuk) lagi bayangkan dia boleh ada semangat yang cukup tinggi macam itu mati pun tidak apa dia kata. Mat rempit. Lepas itu solat hajat *consultant* [Penasihat] itu kata *this is the good weather* [Ini adalah cuaca yang sangat baik]. Dia pun tidak pernah jumpa cuaca yang cukup baik macam itu selepas kita buat solat hajat. Hebat solat hajat ini. Itu dia. Apabila kita hendak keluar daripada kem itu, yang Jerman punya, New Zealand, Australia, semua buat macam ini (Sambil menunjukkan gaya tangan). Mati kata dia. Pasal kita budak-budak muda! Dia komando-komando yang hendak terjun. Kita budak *lapan belas* [18] tahun, *Sembilan belas* [19] tahun. *Parachute* [payung terjun] kita baru *dua puluh lima ribu* [25 000] *setu* [1] set. Dia *dua ratus ribu* [200 000] *setu* [1] set. Dia kata macam ini

semangat mat rempit ini semangat. Dia latih berapa bulan sahaja. *Empat* [4], *lima* [5] bulan sahaja. Dia berlatih *dua* [2], *tiga* [3] tahun. Awak tahu tidak, Kutub Utara itu yang paling sejuk. Kaki kita ini masuk dekat rekahan air batu itu lambat tarik *satu* [1] minit beku! Parang potong terus! Jangan main-main! (Cuba menegaskan ayat) Macam itu sekali. Tetapi mat rempit saya mati pun tidak apa lah ustaz. Dato aziz pun terjun pada sini. Tidak pernah berlatih pun. Dato Aziz itu dia terjun berpeluk dengan *consultant* [Penasihat] Sheregi. Dia pesan mana, “ustaz aku amanahkan dekat engkau, ditakdirkan aku mati hari ini ustaz, (Bunyi batuk) aku tidak hendak mahu apa-apa, engkau ambil bendera Malaysia ini_ _ _.” Sebak aku. “Ambil bendera Malaysia ini, engkau tutup keranda aku. Selepas itu, bendera itu engkau lipat, engkau bagi Datin simpan bendera itu. Itu lah tanda perjuangan aku untuk Malaysia.” (Bunyi kereta) Itu semangat kita itu. Ini mat rempit menyamun, lari anak orang, kejadah macam itu! Hisap ganja! Jual dadah! Rogol anak orang! Selepas itu kopak mesin_ _selepas itu begini. Itu amaran. Tiada motosikal, curi motosikal orang! Ambil enjin, rangka buang dalam sungai! Ini apa! Tidak senonoh! Selepas itu orang bagi upah ambil *dua ratus ringgit Malaysia* [RM200], jangan lupa *tiga puluh satu* [31] haribulan demonstrasi dekat Pasar Seni keluar ramai-ramai. Apa benda! (Ketawa). Tiada, tiada wibawa sebagai seorang generasi akan datang. (Bunyi suara, dan bunyi kereta). Tidak guna lah sekarang senang cerita lah.

FN : ***Okay [baik lah], cikgu, boleh saya tahu kenapa cikgu begitu semangat untuk mengikuti jelajah ke Kutub Utara?***

DRM : *Pertamanya, saya hendak merasai penderitaan orang. Sebab saya yakin saya berada di sebuah Negara yang aman, sebuah negara yang hebat, makmur! Senang dapat makan, senang dapat kerja, senang melanjutkan pelajaran! Jadi saya hendak tengok tempat orang. Yang orang selalu cerita yang Negara saya ini teruk! Miskin, Papa kedana! Tidak hebat! Saya hendak bandingkan apabila balik nanti dengan Negara saya! Terbukti jelas! Terbukti jelas. Saya pergi ke Somalia, saya sendiri masak bubur (Bunyi orang bercakap). Masak enam [6] periuk untuk tiga puluh ribu [30 000] orang dalam kem. Cuba bayangkan. Beras yang digunakan potong guni, kumbang terbang! Tiga [3] tahun punya beras. Potong kambing seekor belah enam [6] campak satu [1] tongkol, campak satu [1]___ tidak payah basuh dengan kambing, merah-merah dengan darah kacau. Baris sepuluh [10] kilometer hendak dapatkan bubur. Bawa plastik bertangkai yang kita beli ikan itu! Bukannya bawa pinggan. Menitik dekat tanah kutip makan! Saya kata dekat Malaysia tidak jumpa macam ini. Pagi-pagi selepas sembahyang hari raya saya tengok kanak-kanak makan tanah liat. Saya takbir melilih air mata dekat masjid Somalia. Saya kata anak saya pagi ini makan ketupat, makan rendang! Engkau dekat sini makan tanah liat! Saya tidak boleh ceritakan benda ini. Saya sebak (Bunyi motosikal). Awak tidak merasai.*

- FN** : *Okay [baik lah] cikgu boleh kita teruskan lagi?*
- DRM** : Betul saya cakap. Saya bagi budak makan ubat cacing *satu* [1] botol. Cacing keluar dekat tapak tangan saya macam *maggi* [sejenis mee makanan segera] bergumpal-gumpal. Makan daun kering, makan kayu kering! Anak kita ada macam itu? Yang pembangkang kata kebulur makan dekat baling tidak makan! (Cuba menengaskan ayat) Ada anak kita? Tunjuk dekat mana? Hari ini saya boleh bagi dapur! Hari ini saya boleh bagi beras. Tunjuk dekat mana tempatnya. Tidak ada! Maknanya itu propaganda! Provokasi yang dibuat pada kerajaan! Yang tiada diadadakan. Tidak! Saya sudah menyaksikan. Kalau saya tidak menyaksikan itu orang boleh kelentong saya. Tengok macam mana kerajaan kita menyelenggarakan mangsa banjir? Semua kenderaan agensi kerajaan keluar. *JKR* [Jabatan Kerja Raya], Majlis Daerah, pergi angkut betul? Tempatkan dekat sekolah, tempatkan dekat masjid, dekat balai raya, dekat sana sudah ada jawatankuasa yang dilantik. Rawatan klinik datang, makanan dimasak bersama, ada tilam, ada selimut, tiada *tv* [televisyen] di letak tengok. Sudah habis musim banjir dapat lagi *enam ratus ringgit Malaysia* [RM600] *satu* [1] keluarga mangsa banjir. Apa lagi yang hendak? Dekat Pakistan saya pergi saya ambil *satu* [1] guni tepung saya campak ditakdirkan tepung itu jatuh dekat tanah. Makcik itu bukak sari (sambil menunjukkan gaya). Kutip tepung! Saya tampar tangan dia. Tidak elok itu sudah masuk batu. Dia kata tidak. Ini sudah yang paling elok dia kata. Ini cerita benar yang saya saksi awak tidak saksi tidak boleh tahu.

Saya saksi! Itu yang saya naik angin kadang apabila orang menidakkan pengurusan banjirnya. Bergaduh dengan ketua kampung! Bodohnya ketua kampung! Tidak makan. Kita makan lewat! Orang dekat Pakistan itu lagi pula makan capati sekeping rebut *lima belas* [15] orang. Itu dia.

FN : Bagaimanakah cikgu menguruskan masa dengan politik dan pendidikan?

DRM : Bagi saya, tiada masalah. Pengurusan masa mesti bijak. Betul! Kalau kita memfokuskan pada *satu* [1] program, *satu* [1] lagi kita abaikan itu bukan pemimpin yang baik. Kita ada masa untuk kerjaya. Kita ada masa untuk cari tambahan pendapatan. Kita ada masa untuk masyarakat. Kita ada masa. Jadi dari segi itu saya sebenarnya orang yang cukup sensitif dengan masa. Misalan saya kata pukul *tujuh* [7] mesti pukul *tujuh* [7]. Anak-anak saya faham. *Confirm* [Pasti] faham. Betul tidak adik? (Sambil menanyakan anaknya) Tinggal! Pernah ditinggal. Merayau *lah* [tabiat bercakap] engkau seorang-seorang macam itu sekali. *So* [Jadi] dari saya cara peribadi, untuk membentuk *time management* [pengurusan masa] dalam kalangan anak-anak saya tiada masalah sebab kita sudah melatih membentuk menyesuaikan masa itu mengikut kehendak kita. Maksudnya kita bukan dipaksa, bukan kita punya suka-suka (Bunyi kerusi di tolak) tapi memang kita betul-betul ikut masa.

FN : Okay [baik lah], adakah para pelajar cikgu selalu bersemuka dalam

menyuarakan masalah mereka pada cikgu?

DRM : Saya *lah* [tabiat bercakap] guru yang sentiasa ditemui dan saya memang_ _ _ kalau budak tahun *enam* [6] semua sekali mesti saya jumpa. Dan budak-budak datang lambat saya jumpa. Budak datang cepat pun saya jumpa. Budak korek pensil dekat longkang pun saya jumpa (ketawa) pasal saya suka mentarbiahkan (Bunyi kerusi di tolak) saya cerita dekat dia kenapa ayah peluk engkau? Sebab pasal engkau datang cepat hari ini. Jadi masalah budak-budak kalau kita mendekatkan diri kita kepada dia, mula-mula memang budak-budak rasa takut, rasa was-was, itu sebabnya tetapi apabila lama-kelamaan kita hampirkan diri kita kepada budak, masalah ini tidak ada sebenarnya. Betul cakap. Malahan masalah luar pula yang banyak datang dekat kita. Masalah dalam sekolah_ _ _ . Masalah emak bapak dia bergaduh sama bapak sampai dekat sekolah kita tahu. Itu tidak betul.

TAMAT SEKSYEN KEEMPAT

Seksyen kelima: aspek anugerah/ pengiktirafan/pencapaian

FN : *Okay* [baik lah] seterusnya saya terus ke seksyen ke- 5 di mana seksyen ini kami ingin mengetahui tentang aspek anugerah, pengiktirafan dan pencapaian. *Okay* [baik lah] selama bergelar cikgu mahupun ahli politik. Apakah penglibatan cikgu di luar dan dalam Negara?

DRM : Dalam kerjaya sebagai seorang pendidik, saya pernah dianugerahkan pergerakan gaji melintang. *Dua* [2] kenaikan sekali. Dan saya pernah mendapat anugerah khidmat cemerlang, *Dua* [2] kali sepanjang saya menjadi pendidik. Kalau dalam politik semasa jadi Pemangku Ketua Bahagian, saya pernah dianugerahkan sebagai bahagian paling aktif (Bunyi haiwan peliharaan) dalam program penambahan ahli. Dan yang paling tinggi *lah* [tabiat bercakap] yang saya rasa setakat ini dan tidak mungkin lagi saya akan dapat pada tahun lepas bulan *sepuluh* [10] saya dianugerahkan Anugerah Pingat *DPSM* [Darjah Pangkuan Seri Melaka] tidak salah saya yang membawa gelaran Datuk. Oleh kerajaan Negeri Melaka pada saya. Itu satu-satunya anugerah yang saya rasa tidak mungkin saya terima lagi selepas mendapat perintah. Itu sudah pencapaian tertinggi lah. Sebab dalam daerah Segamat ini, guru bergelar Datuk saya seorang sahaja. (Bunyi orang ketawa) dan dalam Malaysia pun saya rasa saya seorang sahaja yang bergelar datuk. (Suara orang) saya bukan takbur tetapi mungkin ___ dan saya sebenarnya tiada apa-apa pun saya mimpi isi borang nama. Tiada. Itu lah anugerah yang sebenarnya. Ya. Mungkin

melihat keikhlasan perjuangan ya. Melihat daripada (Bunyi suara memanggil) pengabdian pada kerjaya, pada politik, pada bangsa, agama, Negara, akhirnya saya dianugerahkan dengan gelaran Datuk pada tahun lepas. Macam mana saya segan sebenarnya apabila kadang kawan-kawan panggil Datuk. Saya siapa saya cakapkan. Biasa. Memang biasa. Saya boleh pergi kenduri rumah orang basuh pinggan tidak ada masalah semua itu. Itu *lah* [tabiat bercakap].

FN : ***Okay* [baik lah], boleh cikgu jelaskan maksud DPSM, anugerah apa (bunyi motosikal) yang dikatakan?**

DRM : Darjah Pangkuan Seri Melaka.

FN : ***Okay* [baik lah], boleh saya tahu apakah perasaan cikgu (bunyi batuk) ketika mendapat anugerah tersebut?**

DRM : Sebenarnya saya macam mimpi. (Bunyi orang bercakap) Mimpi dalam keadaan itu saya terharu, sebak, gembira jatuh nombor *tiga* [3], nombor *empat* [4]. Sebab saya memikirkan apa *lah* [tabiat bercakap] sumbangan saya sehingga anugerah tertinggi ini. Kalau *Rosyam Nor* [Pelakon Malaysia] dapat, *Om Kim Swee* [Jurulatih bola sepak skuad Harimau Muda Malaysia] dapat, *Ramli Sarip* [Penyanyi Malaysia] dapat itu dia lain. Pada dia punya sumbangan pada Negara ini. Saya, saya kata apa? Rupa-rupanya ini *lah* [tabiat bercakap] kalau kita berkhidmat dengan penuh keikhlasan (suara orang), saya terharu, sebak, bukan gembira. Saya rasa

terharu, rasa sebak maknanya ada seseorang yang menilai saya, yang memandang dan melihat saya, memerhati saya yang mengatakan saya layak dianugerahkan dengan gelaran ini. Maka akhirnya saya redha dan saya terima.

FN : *Okay* [baik lah], sehingga ke tahap ini adakah cikgu berpuas hati atas apa. Yang telah dicapai dalam hidup cikgu?

DRM : Sebenarnya sebagai seorang pejuang, saya ibaratkan diri saya orang perjuangan. Orang berjuang ini tiada titik noktah. Tiada noktah untuk memberhenti memberikan khidmat pada masyarakat. Bak kata orang "*patah sayap bertongkat paruh*" [Peribahasa Melayu] saya tetap akan memberikan khidmat kepada masyarakat. Bukan kerana ganjaran, bukan kerana imbuhan, (Bunyi motosikal) tetapi sebenarnya jiwa saya jiwa saya jiwa pejuang, jiwa masyarakat saya tidak boleh lari sebab itu saya boleh terima sesiapa sahaja datang. Hendak terima macam mana? Melihat saya sakit diaorang datang menziarah. Pasal saya pernah membantu mereka ini. Kecuali yang seorang tadi itu lah (Bunyi orang ketawa). *Okay* [baik lah] saya akan meneruskan perjuangan saya selagi kata orang selagi ada denyut nadi, selagi darah mengalir, insya Allah "*alang-alang seluk perkasam seluk ke pangkal lengan*" [Peribahasa Melayu].

TAMAT SEKSYEN KELIMA

Seksyen keenam: Aspek harapan/impian masa akan datang

FN : *Okay* [baik lah], seterusnya kita ke seksyen terakhir iaitu aspek harapan, impian masa akan datang. *Okay* [baik lah] cikgu apakah harapan cikgu dalam bidang pendidikan dan politik pada masa akan datang?

DRM : Kerana saya seorang pendidik, kerjaya tetap saya maka selagi saya bergelar pendidik, saya akan curahkan segala pengalaman, segala pengetahuan, segala kemahiran untuk dinikmati oleh anak didik saya. Saya ingin membentuk seberapa ramai insan-insan yang mempunyai jiwa perjuang, insan-insan yang mempunyai jiwa melayu (Bunyi azan) insan-insan yang mempunyai semangat islam untuk membela agama, bangsa dan Negara.

FN : *Okay* [baik lah], apa pula harapan cikgu kepada para pendidik di **Malaysia?**

DRM : (Bunyi batuk) Sebagai seorang insan yang dilahirkan dan dibesarkan dalam dunia pendidikan, apabila saya berada seperti ini pada hari ini saya mempunyai harapan yang cukup besar kepada rakan-rakan guru. Kerana saya memegang *satu* [1] konsep *kalau tukang rumah dia membuat rumah, rumah kalau tidak betul, dia boleh betulkan, rumah kalau bocor dia boleh tampal* [Perumpamaan Melayu]. Tetapi guru dia membentuk manusia, dia membuat manusia. Manusia kalau sudah rosak, dia akan rosak berterusan. Manusia dia sudah pincang, dia akan pincang berterusan. Oleh itu, kita kena faham, kita kena muhasabah diri kita ini kalau seorang pendidik. Kita kena

bentuk seorang manusia. Manusia yang macam mana? Manusia yang berjaya hidupnya di dunia dan manusia yang berjaya hidupnya di akhirat. Baru *lah* [tabiat bercakap] sempurna kita digelar seorang pendidik. Itu harapan saya.

FN : *Yela* [mengiyakan], seperti yang kita tahu sekarang pun (bunyi batuk) macam-macam berita yang sudah diwar-warkan dekat media akhbar semua yang cikgu dikatakan mendera murid semua sampai sekarang ibubapa pun sanggup menyaman cikgu sendiri yang mana mendera anak mereka. *Okay* [baik lah] soalan yang terakhir ya cikgu. Apakah harapan cikgu buat masyarakat terutamanya rakyat Malaysia mahupun pembaca transkrip ini?

DRM : Ini soalan saya yang cukup bagus yang perlu saya jawab (Bunyi motosikal). Sebagai seorang rakyat Malaysia, anda juga seorang rakyat Malaysia dan sebenarnya kita sepatut dan semestinya rasa bersyukur kerana kita dilahirkan di bumi bertuah Malaysia ini (Bunyi motosikal). Dan sepatutnya kita mesti juga bersyukur kerana kita dilahirkan sebagai bangsa melayu di bumi bertuah ini. Dan kita sepatutnya rasa bersyukur kerana kita dilahirkan sebagai islam di bumi bertuah Malaysia ini. Saya berkata begitu berdasarkan pemerhatian saya, pengalaman saya, perjalanan saya ke merata tempat pelusuk Negara, saya tetap mengatakan bahawa Malaysia tanah air bertuah ini satu-satunya Negara yang cukup hebat. Yang cukup cemerlang kalau hendak dibandingkan dengan Negara_ _ _ . Oleh itu, sebagai rakyat

yang dilahirkan dan dibesarkan di sini, sudah merasai, mengecapi nikmat kemerdekaan, nikmat keamanan, maka sudah tentu sebagai generasi dan warganegara yang cintakan bumi ini sepatutnya mesti menghambakan diri ini kepada Negara Malaysia ini. Bukan jadi pertualang untuk merosakkan Negara. Oleh itu, mari kita sama-sama, kita sama-sama duduk dalam *satu* [1] kapal. Kapal ini akan berlayar, kapal ini namanya Kapal Malaya, Kapal Melayu, Kapal Islam. Kita tidak boleh keluar daripada kapal ini. Kapal ini kapal kita. Dan kita berhak menjaga kapal ini. Maknanya di sini tanah air ini, tanah air kita. Melayu adalah saudara kita, islam adalah saudara kita. Kita tidak boleh berpecah. Kalau berpecah pincang kapal itu. Ibaratnya kalau percakaran sesama kita melayu dengan melayu maka punah hancur tamadun melayu di bumi bertuah Malaysia ini. Kita tidak dapat genggam kata-kata azimat tidak akan melayu hilang di dunia. Tidak akan dapat lagi *dah* [sudah]. *Bila* [apabila] sesuatu empayar telah runtuh jangan kita mimpi hendak kembali membina balik semula. *Sorry* [Maaf]. Saya merayu kepada yang membaca transkrip ini, siapa yang melihat, tolong sematkan di dada bahawa di sini aku dilahirkan, di sini aku dibesarkan, di sini aku akan disemadikan untuk selama-lamanya maka jadi tanggungjawab aku sebagai anak yang dilahirkan di sini, di besarkan di sini, disemadikan selagi hayat dikandung badan Malaysia akan ku pertahankan hingga ke titisan darah yang terakhir! (Cuba menegaskan ayat) Itu dia. Itu harapan saya pada bangsa melayu yang beragama islam. Kita tidak mahu orang yang menumpang jadi raja kita yang lahir di sini menjadi kuli. Kesian! Kesian

kita. Cukup *lah* [tabiat bercakap] sekadar itu.

FN : ***Okay*** [baik lah], insya Allah kami (Bunyi batuk) sebagai generasi muda akan cuba lah meneruskan perjuangan yang telah perjuang-perjuang kita lakukan dahulu. ***Okay*** [baik lah] itulah dia sesi temu bual kita bersama Datuk Haji Rusdin bin Mahamud pada hari ini. Di mana beliau merupakan seorang tokoh dalam bidang pendidikan mahu juga dalam bidang politik. Terima kasih (Bunyi orang bercakap) cikgu atas kerjasama yang telah diberikan kepada kami.

DRM : Sama-sama.

TAMAT SEKSYEN KEENAM

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

SEKSYEN PERTAMA: LATAR BELAKANG DIRI		
MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
0.39 – 0.40	Tokoh memberitahu nama penuh beliau.	Rusdin Bin Mahamud
1.03 – 1.30	Tokoh memberitahu umur beliau, tempat lahir dan tarikh lahir.	49 tahun Kampung Kering, Batu 8, Labu, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. 11/08/1964
1.31 – 1.53	Tokoh menceritakan tentang beliau dibesarkan di kampung tersebut sehingga mendapat tawaran melanjutkan pelajaran.	Maktab Perguruan Muhammad Khalid pada tahun 1987.
1.55 – 2.17	Tokoh memberitahu nama bapa dan ibu beliau.	Haji Mahamud bin Haji Fattah, Salmi Manja Puan Hajjah Rahmah Binti Sharif
2.59 – 3.12	Tokoh memberitahu bilangan adik beradik beliau	6 Lelaki 2 Perempuan
5.29 - 5.40	Tokoh menceritakan tarikh beliau berumah tangga, dan umur beliau serta isteri ketika itu.	17/11/1990 Datuk Rusdin Bin Mahamud Datin Hajjah Jamilah 21 tahun.
7.17 – 7.48	Tokoh memberitahu nama-nama anak beliau.	Nurul Nadirah Nurul Nabilah Nurul Nadiyah Muhammad Khairul Amilin Muhammad Khairul Najmi Muhammad Khairul Adha.

SEKSYEN KEDUA: ASPEK PENDIDIKAN CIKGU RUSDIN DAN ISTERI

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
9.36 – 10.16	Tokoh menceritakan di mana beliau mendapat pendidikan awal sehingga menamat pelajaran.	<p>Sekolah Kebangsaan Labu Ulu (darjah 1-6)</p> <p>Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Labu (tingkatan 1-3).</p> <p>Sekolah Menengah Dato' Mohd Said, Nilai (tingkatan 4-5).</p> <p>Sekolah Menengah Tunku Ampuan Durah, Seremban (tingkatan 6).</p> <p>Maktab Perguruan Muhammad Khalid, Johor Bharu (tahun 1987).</p>
10.25 – 11.06	Tokoh menceritakan di mana isteri beliau mendapat pendidikan awal sehingga menamat pelajaran.	<p>Sekolah Sungai Nibong (darjah 1-6)</p> <p>Sekolah Perempuan ST. George, ST. George, Pulau Pinang (tingkatan 1-5)</p> <p>Maktab Perguruan Muhammad Khalid (Diploma)</p> <p>Universiti Malaya, TESL (Ijazah)</p>

SEKSYEN KETIGA: ASPEK KERJAYA		
MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
16.10 – 16.23	Tokoh menceritakan tentang penglibatan awal beliau dalam bidang pendidikan	Beliau melaporkan diri di Sekolah Kebangsaan Sri Bali (1/12/1989).
17.48 – 18.09	Tokoh memberitahu apakah mendorong beliau untuk menjurus ke bidang pendidikan terutama dalam bidang Bahasa.	Memang berminat dalam Bahasa Melayu serta pernah terlibat dalam bersajak dan berpidato.
20.05 – 20.20	Tokoh memberitahu jawatan yang di pegang di sekolah.	Pengerusi panitia Bahasa Melayu PIBG (Perhimpunan IbuBapa dan Guru) Penasihat Pengakap
29.50 – 30.50	Tokoh menceritakan sumbangan beliau sebagai seorang guru dalam bidang pendidikan.	Guru cemerlang semasa beliau baru 3 tahun mengajar. Mengutip dana untuk PIBG Melonjakkan peserta pidato dalam daerah Segamat. Mencipta Projek Sinar.

SEKSYEN KEEMPAT: ASPEK POLITIK

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
32.54 – 37.39	Tokoh menyatakan penglibatan awal beliau dalam bidang politik.	<p>Mula bertanding sebagai YDP (Yang Di Pertua) presiden ketika di Maktab Perguruan.</p> <p>Menceburi UMNO bermula sebagai ahli UMNO cawangan Rumah Awam Chaah.</p> <p>Menjadi ketua PEMUDA.</p> <p>Setiausaha UMNO cawangan dan diminta untuk Ketua Penerangan Ketua Bahagian.</p> <p>Menjadi Naib Ketua PEMUDA Bahagian.</p> <p>Beliau menjadi Naib Ketua PEMUDA Bahagian.</p> <p>Beliau bertanding Timbalan Ketua Bahagian.</p> <p>Beliau telah memangku Jawatan Ketua Bahagian selama tiga tahun.</p> <p>Beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Pemuda Negeri, Perhubungan Negeri.</p> <p>Beliau menjadi pengerusi kelab putera UMNO Johor.</p> <p>Sekarang beliau sebagai Pengerusi Biro Kebajikan Dan Agama KPIM Kebangsaan.</p>

37.43 – 38.10	Tokoh memberitahu tahun awal pembabitan beliau dalam dunia politik.	Tahun 1994 sebagai ahli UMNO cawangan Rumah Awam Chaah.
59.15 – 1.02.02	Tokoh menceritakan beliau juga telibat dalam badan NGO.	Beliau menjadi ahli Kelab Putera 1 Malaysia sebagai pengerusi biro agama dan kebajikan.
1.10.26 – 1.17.56	Tokoh mencertakan beliau terlibat dalam misi bantuan dan espidisi.	<p>Membawa 13 orang mat rempit ke Kutub Utara, North polr, Rusia pada tahun 2007.</p> <p>Misi yang kedua mencipta rekod juga berenang secara solo daripada Dumai, Indonesia ke Teluk Kemang, Negeri Sembilan.</p> <p>Membawa hampir 200 orang belia mendaki Gunung Kinabalu ketika sambutan bulan Kemerdekaan.</p> <p>Penglibatan beliau dalam bantuan kemanusiaan ke Somalia.</p> <p>Beliau terlibat juga pergi ke Syria, Palestin menghulurkan bantuan kepada mangsa peperangan.</p> <p>Beliau ke Pakistan membantu mangsa banjir.</p> <p>Beliau juga pergi ke gempa bumi di New Zealand.</p> <p>Beliau ke Jepun ketika kejadian Tsunami.</p> <p>Filipina, Itali, pergi tengok penindasan kaum di Rohingya.</p>

SEKSYEN KELIMA: ASPEK ANUGERAH/ PENGIKTIRAFAN/PENCAPAIAN

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
1.20.20 – 1.25.29	Tokoh menyatakan anugerah dan pengiktirafan yang diperolehi.	<p>Beliau pernah dianugerahkan pergerakan gaji melintang 2 kenaikan sekali.</p> <p>Beliau mendapat anugerah khidmat cemerlang 2 kali sepanjang menjadi pendidik.</p> <p>Beliau dianugerahkan Anugerah Pingat DPSM (Darjah Pangkuan Seri Melaka) yang membawa gelaran datuk.</p>

SENARAI SOALAN

SOALAN TEMU RAMAH

Seksyen pertama: latar belakang diri

1. Nama penuh cikgu seperti tertera di kad pengenalan
2. Berapakah umur cikgu sekarang?
3. Cikgu dilahirkan di mana?
4. Boleh nyatakan tarikh lahir cikgu?
5. Siapakah nama ibu cikgu?
6. Adakah ibu cikgu masih hidup?
7. Adakah ibu cikgu bekerja?
8. Siapakah nama ayah cikgu?
9. Adakah ayah cikgu masih hidup?
10. Apakah pekerjaan ayah cikgu?
11. Berapa jumlah adik beradik cikgu?
12. Cikgu anak yang ke berapa?
13. Siapakah nama isteri cikgu?
14. Berapakah umur isteri cikgu?
15. Apakah pekerjaan isteri cikgu?
16. Isteri cikgu berasal dari mana?
17. Cikgu mempunyai berapa orang cahaya mata?
18. Berapakah lingkungan umur anak-anak cikgu sekarang?
19. Adakah mereka masih bersekolah ataupun sudah bekerja?
20. Boleh cikgu nyatakan latar belakang pendidikan kesemua anak-anak cikgu?

Seksyen kedua: aspek pendidikan Cikgu Rusdin dan isteri

21. Cikgu mendapatkan pendidikan awal sekolah rendah dimana?
22. Pendidikan sekolah menengah dimana?
23. Bagaimana dengan pendidikan tinggi cikgu?
24. Isteri cikgu pula mendapatkan pendidikan awal sekolah rendah dimana?

25. Pendidikan sekolah menengah dimana?
26. Bagaimana dengan pendidikan tinggi isteri cikgu?
27. Adakah jodoh cikgu dan isteri atas dasar cinta ataupun pilihan keluarga?
28. Pertemuan pertama cikgu dan isteri dimana?

Seksyen ketiga: aspek kerjaya

29. Boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal cikgu dalam bidang pendidikan?
30. Pada tahun bilakah cikgu berkhidmat sebagai tenaga pengajar?
31. Berapa lamakah sudah berkhidmat sebagai tenaga pengajar?
32. Apakah yang mendorong cikgu untuk menjurus ke bidang pendidikan terutama gugu di dalam bidang Bahasa?
33. Bilakah cikgu mula berkhidmat sebagai guru sepenuh masa?
34. Apakah cikgu ada memegang apa-apa jawatan di sekolah?
35. Sebelum mendapat tawaran, berkhidmat sebagai guru ketika itu, selepas tamat pengajian apakah pekerjaan cikgu? Dimana dan bila?
36. Pertama kali bergelar guru? Cikgu dapat bertugas di sekolah mana dan bila?
37. Bolehkah cikgu berkongsi perasaan atau pengalaman pertama kali menjadi guru sekolah ketika itu?
38. Bagaimana suasana sekolah, pada masa itu ketika pembabitan cikgu sebagai seorang guru berbanding kini?
39. Berdasarkan apa yang cikgu jelaskan tadi, hampir 23 tahun cikgu menetap di chaah. Apakah cikgu tiada bercita-cita untuk pulang ke kampung halaman.
40. Apakah sumbangan cikgu kepada pendidikan?

Seksyen keempat: aspek politik

41. Adakah penglibatan cikgu ke dalam politik berdasarkan minat dan cikgu dapat dorongan daripada siapa?
42. Setakat manakah, cikgu aktif di dalam politik?

43. Apakah sumbangan cikgu kepada politik?
44. Apakah reaksi isteri dan keluarga cikgu bila cikgu menceburi bidang politik ini?
45. Adakah masa terluang untuk keluarga cikgu?
46. Cabaran yang paling hebat cikgu pernah hadapi dalam berkecimpung dalam politik?
47. Kenangan paling manis dalam hidup cikgu semasa berkecimpung dalam politik?
48. Bagaimana pula dengan kenangan pahit yang cikgu hadapi?
49. Bagaimana cikgu membahagikan masa dengan anak-anak dan juga menjadi seorang suami?
50. Selain terlibat di dalam dunia politik, adakah cikgu ada terlibat dalam mana-mana badan NGO seperti ABIM, PERKASA dan sebagainya.
51. Apakah peranan cikgu dalam badan NGO tersebut?
52. Sepengetahuan saya, cikgu ada terlibat dalam banyak ekspedisi dan misi bantuan, apakah misi dan ekspedisi itu?
53. Sudah semestinya, dalam setiap ekspedisi dan misi bantuan terdapat cabaran, bolehkah cikgu ceritakan serba sedikit cabaran tersebut?
54. Apakah pengalaman manis cikgu ketika melaksanakan ekspedisi dan misi bantuan tersebut?
55. Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?
56. Bagaimanakah cikgu boleh terlibat untuk mengikuti jelajah ke kutub utara pada tahun 2007?
57. Bolehkah cikgu ceritakan pengalaman ketika disana?
58. Apakah input yang cikgu dapat daripada jelajah tersebut?
59. Berapa ramaiakah peserta yang terlibat dalam jelajah tersebut?
60. Kenapa cikgu bersemangat untuk mengikuti jelajah kesana?
61. Bagaimanakah cikgu menguruskan masa dengan politik dan pendidikan?
62. Apakah cikgu seorang yang peramah dan tidak kesah berhadapan dengan orang yang tidak kenal?
63. Apakah pendapat cikgu tentang dunia politik dahulu dan sekarang?
64. Adakah ia akan semakin stabil?

Seksyen kelima: aspek anugerah/ pengiktirafan/pencapaian

65. Adakah cikgu pernah terlibat dalam bidang penulisan?
66. Selama berkecimpung dalam bidang politik dan pendidikan, apakah anugerah yang telah cikgu perolehi?
67. Apakah perasan cikgu ketika mendapat anugerah tersebut?
68. Apakah sumbangan terbesar yang pernah cikgu sumbangkan dalam hidup cikgu?
69. Apakah cikgu berpuas hati di atas apa yang telah dicapai di dalam hidup cikgu?
70. Adakah cikgu akan sentiasa memberikan sumbangan cikgu dalam pendidikan dan politik selepas bersara?

Seksyen keenam: aspek harapan/impian masa akan datang

71. Apakah harapan cikgu dalam bidang pendidikan dan politik pada masa akan datang?
72. Apa pula harapan cikgu kepada para pendidik di Malaysia?
73. Apakah harapan cikgu buat masyarakat terutama rakyat Malaysia mahupun pembaca transkrip ini?

INDEKS

Indeks

B

Bahasa Melayu, 15, 16, 49, 58
Banjir, 41, 42, 45, 53, 54
Barisan Nasional, 40
Bekok, 40, 41

C

Cabaran, 37
Chaah, 1, 5, 11, 19, 21, 22, 29, 30

D

Darjah Pangkuan Seri Melaka, 59, 60
Dol Fatah, 27

E

Ekspidisi, 43

F

Fajar Bakti, 15, 22

H

Hishamuddin, 32, 39, 40

G

Guru Cemerlang, 24
Guru Besar, 6, 20, 21

I

Isteri, 6, 7, 11, 12, 14, 23, 37, 38, 39

J

Johor, 9, 15, 29, 33, 48

K

Kajian Tempatan, 16
Khairi Jamaluddin, 38, 39
Keluarga, 3, 4, 5, 10, 18, 34, 35, 36, 40, 43, 53
KPIM, 29
Kutub Utara, 44, 48, 50, 51, 52

L

Labu, 2, 9

M

Maggi, 54
Maktab 3, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 19, 30, 32
Malaysia, 9, 10, 11, 28, 39, 40, 41, 42, 45, 50, 56, 61
Mat Rempit, 44, 48, 49, 50, 51
Misi Bantuan 44, 46, 47

N

Negara, 34, 40, 41, 43, 44, 46, 47, 48, 49, 52, 60, 61
NGO, 40, 41
Noram Faizul, 45

P

Pakistan, 41, 42, 45, 53, 54

PAS, 28, 38

Pasar Malam, 13, 17, 21

Payung Terjun, 49, 50

Pemberita, 44

PEMUDA, 28, 29, 31, 32, 38

Pengalaman, 1, 7, 18, 31, 32, 39, 42, 59, 60

Pengorbanan, 24, 36

Perhimpunan Agong, 31

Pulau Pinang, 41, 47

R

Rohingya, 45

Rusia, 45

Rosyam Nor, 58

S

Somalia, 45, 47, 55

Segamat, 9, 19, 23, 26, 27, 51, 59

T

Tabung Haji, 41

TESL, 11

Tsunami, 42, 46

U

UMNO, 28, 29, 31, 37, 38, 39, 42

Y

YDP, 11, 27

RUJUKAN

Rujukan

Rusdin bin Mahamod (wawancara, 11 April, 2014). Wawancara berkaitan, seorang pendidik dan ahli politik yang berjaya, sebagai tokoh dalam pendidikan dan politik. Diwawancara oleh Fairuz Nadirah Binti Ahmad Zaidi. Chaah, Labis: Johor.

Syed Azwan Syed Ali. (2007, April 15). Anggota Ekspedisi Kutub Utara dijangka tiba di Longyearbyen. Pilihan Raya Umum ke-11 (2004). Retrieved April 8, 2014, from http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=PR11&y=2007&dt=0415&pub=Utusan_

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan YBHG. DATUK RUSDIN BIN MAHAMUD Pada 11 APRIL 2014.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 11 APRIL 2014 (tarikh). Dipersetujui pada 11 APRIL 2014 oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Hj Ghazali Bin Osman,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

Lampiran



GAMBAR 1: Semasa menjadi Juru cakap Perhimpunan UMNO 2004



GAMBAR 2: Semasa mendapat Pingat Darjah Pangkuan Seri Melaka



GAMBAR 3: Pingat Darjah Pangkuan Seri Melaka



GAMBAR 3: (keratan akhbar online) kumpulan Ekspedisi ke Kutub Utara



GAMBAR 4: Gambar beliau bersama mangsa semasa Misi Bantuan di Somalia



GAMBAR 5: Gambar bersama Datuk Rusdin Bin Mahamod selepas temu ramah